



قليتا بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 29 BILANGAN 38

RABU 19 SEPTEMBER, 1984.

رابو 23 ذوالحجة 1404

PERCUMA



KEBAWAH D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan sedang mengurniakan watak-watak perlantikan kepada Malai Haji Ahmad Murad bin Malai Haji Mashhor bakal Duta Besar ke Kahirah dan kepada Awang Haji Omar bin Haji Serudin bakal Wakil Tetap ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (gambar-gambar atas).



Kebawah D.Y.M.M. kurnia watak perlantikan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan mengurniakan watak perlantikan kepada Malai Haji Ahmad Murad bin Malai Haji Mashhor, bakal Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Kahirah dan kepada Awang Haji Omar bin Haji Serudin, bakal Wakil Tetap Negara Brunei Darussalam ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

Malai Haji Ahmad Murad mendapat pendidikan awal di Sekolah Inggeris Brunei pada tahun 1954. Beliau pernah menuntut di beberapa buah institusi di Semenanjung Malaysia dan Republik Singapura. Pengajian tinggi yang pernah beliau menuntut ialah Universiti Al-Azhar di Kahirah dan Universiti Birmingham di United Kingdom.

Majlis tersebut telah berlangsung di Balai Penghadapan, Istana Nurul Iman pada petang Rabu lepas. Setelah Istiadat Penyampaian Watak itu, bakal Duta Besar dan Wakil Tetap Negara Brunei Darussalam mengadap ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang

Setelah menamatkan pengajian dari Universiti Al-Azhar beliau pernah memegang jawatan sebagai guru agama Sekolah Menengah Arab Hassanah Bolkiah, Penolong Pengetua dan Pengetua di Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan dan Pegawai Ugama Kanan di Jabatan Hal Ehwal Ugama. Jawatan beliau sebelum dilantik menjadi Duta Besar itu ialah sebagai Pegawai Pentadbir Kanan di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Sebelum memegang jawatan sebagai Pemangku Pesuruhjaya Buruh, Awang Haji Omar bin Haji Serudin telah menjawat beberapa jawatan selaku Timbalan Pengawal Kastam dan Eksais, Penolong Pegawai Kanan Kewangan Negara, Pemangku Pesuruhjaya Kemajuan Kerjasama, Pengawal Pengangkutan Darat dan Pengarah Lembaga Kemajuan Ekonomi.

Awang Haji Omar juga pernah mengikuti beberapa kursus seperti Perkhidmatan ASIAN, Institut Statistik di Jepun, menghadiri Persidangan Antarabangsa Jawatankuasa ECOF dan ASEAN dan baru-baru ini beliau telah menghadiri mesyuarat berhubung dengan buruh bagi Negara-Negara Komanwel di Geneva.



YANG Berhormat Jeneral Kriangsak Shomanan (tengah) ketika menyebarkan cenderamata ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien sejurus Majlis Mengadap di Istana Nurul Iman.

J. KRIANGSAK DITERIMA MENGADAP

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan, telah berkenan menerima mengadap Yang Berhormat Jeneral Kriangsak Chomanan, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Bagi Hal-Ehwal Luar Negeri Dewan Perwakilan (Parti Demokrasi Kebangsaan) Thailand, Isnin lalu di Istana Nurul Iman.

Kriangsak Chomanan telah disertai oleh Duta Besar Thailand ke negara ini Tuan Yang Terutama Pong Bua Lam dan menyebarkan cenderamata bagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien.

Semasa berada di negara ini Yang Berhormat Jeneral Kriangsak Chomanan telah diraikan dalam satu majlis jamuan makan malam oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd Aziz, Menteri Pelajaran dan Kesihatan bertempat di kediaman rasmi Menteri itu serta melawat-lawat ke berbagai tempat menarik di negara ini.

Yang Berhormat Jeneral Chomanan adalah juga merupakan bekas Perdana Menteri Thailand, tiba ke negara ini pada Sabtu lepas, mengetuai serombongan 17 orang Anggota Jawatankuasa Tetap Bagi Hal-Ehwal Luar Negeri Parlimen Thai.

Rombongan pelawat-pelawat Thai itu adalah dalam rangka lawatan ke Negara-Negara ASEAN yang mana sebelum ini mereka

telah berkunjung ke Malaysia dan Singapura. Kelmarin rombongan tersebut telah

berlepas menuju ke Indonesia setelah mengadakan lawatan tiga hari ke negara ini.

Dalam Istiadat Mengadap itu Yang Berhormat Jeneral

Naik pangkat

BERAKAS. — Empat orang letenan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei telah dinaikkan pangkat kepada kapten mulai 2 September lepas.

Mereka ialah 114 Letenan Jorsni @ Haron Haji Lamat dari Tentera Laut, 122 Letenan Pengiran Mohamad bin Pengiran Mubidi dari Skuadron Kereta Perisai Peninjau, 124 Letenan Muslim Haji Tengah dari Depoh Logistik dan 125 Letenan Awang Harlip Haji Besar dari Tentera Laut.

Keempat-empat anggota tersebut telah berkhidmat dengan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei sejak 14 Mac, 1977.

DUA PEKEDAI DIDENDA \$1,000.00

CHOP SUOM HUAT, No. 28, Jalan Sultan dan CHOP GHEE GUAN, No. 4, Jalan McArthur, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam telah didenda sebanyak \$1,000.00 tiap-tiap seorang oleh Pengadil Mahkamah, Bandar Seri Begawan, pada hari Sabtu, 15 September, 1984 setelah tuan punya kedai-kedai tersebut mengaku salah atas tuduhan kerana tidak membubuh tanda harga bagi barang-barang jualannya.

Penyasatan tersebut telah dibuat oleh beberapa orang pegawai dari Kawalan Harga, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam pada 9 Ogos, 1984 yang lalu.

MANISNYA IMAN

"ALLAH mempertukarkan malam dan siang; sesungguhnya itu menjadi pengajaran bagi orang-orang yang mempunyai pemerhatian yang tajam." — Makna ayat 44, Surah An-Nur.



19 September, 1984

*Dengan nama Allah yang
pemurah dan maha penyayang*

PENERIMAAN MENJADI ANGGOTA PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU

NEGARA kita akan diterima dengan rasmi menjadi anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dalam Perhimpunan Agung badan dunia itu minggu ini. Sebelum ini Majlis Keselamatan badan dunia itu telah mempersetu-

jui keanggotaan negara kita, yang mana persetujuan tersebut sangat penting pada menentukan kedudukan sesebuah negara untuk menjadi anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Dari awal-awal lagi semenjak kita mengambil alih semula tanggungjawab antarabangsa sepenuhnya sebagai sebuah negara yang berdaulat lagi merdeka kita menaruh keyakinan akan penerimaan masyarakat antarabangsa. Pertama ialah kerana perubahan taraf negara kita dari sebuah negeri naungan kepada negara yang sepenuhnya merdeka adalah selaras dengan norma dalam amalan antarabangsa; dan kedua ialah kerana keazaman Kerajaan dan rakyat pada menepati ertikata peralihan itu menerusi pemeliharaan keamanan dan kesejahteraan dalam negeri di samping kesediaan untuk memelihara perhubungan persahabatan di kalangan antarabangsa atas dasar saling menghormati kemerdekaan, kedaulatan, persamaan dan keutuhan wilayah bagi sebuah negara yang bebas dari campurtangan asing. Kedua-dua faktor ini telah meyakinkan kebanyakan negara yang mana keyakinan terhadap keamanan serta kesejahteraan dalam negeri dan penghormatan ke atas prinsip-prinsip kerjasama antarabangsa itu mendorongkan ramai

ketua-ketua negara dan kerajaan serta pemimpin-pemimpin dari kebanyakan negara menghadiri sambutan Hari Kebangsaan yang kita anjurkan sempena kemerdekaan kita itu. Tidak setakat itu sahaja malah selanjutnya kita telah menjalin, di samping meneguhkan lagi perhubungan dengan kebanyakan negara selain menerusi keanggotaan kita dalam ASEAN, Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam (OIC) dan Commonwealth.

Maka kita dapat mensifatkan keanggotaan kita ke dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu adalah merupakan puncak pengiktirafan dunia ke atas negara kita dalam makna pengiktirafan terhadap kewibawaan Kerajaan yang berfungsi dengan berkesan dan berpotensi untuk memberikan sumbangan terhadap kerjasama bagi keamanan dunia serta kesejahteraan untuk umat manusia.

Sebagai kesannya kita sudah semestinya menjangkakan bertambahnya tanggungjawab yang akan dipikul oleh Kerajaan. Kegiatan-kegiatan yang akan diikuti berikutan dari penyertaan ke dalam Pertubuhan Badan Dunia itu sahaja sudah barang tentu akan menyibukkan. Selain itu ialah ekspetasi masyarakat

dunia, khasnya pihak-pihak yang mempunyai kepentingan, terhadap 'performance' negara kita sudah setentunya akan menjadikan kita lebih waspada di samping meningkatkan lagi sifat yang sedia 'lutanan' untuk meneguhkan kedudukan kita dalam selok-belok diplomasi antarabangsa. Tetapi kesemua ini insya — Allah, dan dengan izin Allah, akan diharungi oleh Kerajaan dengan sebijak-bijaknya.

Dari segi yang lain, keanggotaan ke dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sepatutnya akan meningkatkan lagi kebanggaan semua lapisan rakyat. Bendera Negara Brunei Darussalam yang akan berkibar sejuntun dengan lain-lain bendera negara yang berdaulat dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu adalah merupakan satu pencapaian yang penting bagi bangsa kita dalam zaman moden ini. Ia sepatutnya akan menambahkan lagi keazaman kita semua untuk mempertahankan kemerdekaan yang dicapai menerusi berbagai-bagai usaha yang berpatutan dengan sentiasa mengambil kira akan faktor-faktor yang penting dalam mengekalkan kemerdekaan itu.

Ke arah mempertahankan keazaman itulah hendaknya kita akan tidak 'pangling' dan lalai.

MAKLUMAN KEPADA PEMBORONG

JABATAN Kerja Raya, Kementerian Pembangunan mengeluarkan satu Surat Keliling berhubung dengan beberapa perubahan dalam urusan kerja-kerja pemborongan sebagai makluman kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di jabatan tersebut.

Surat keliling yang dimaksudkan adalah seperti berikut:—

DEPOSIT TENDER

a) Di masa-masa yang lalu, deposit-deposit tender tidak akan dikeluarkan sehingga kontrak-kontrak telah diserahkan.

b) Semenjak awal tahun ini, peraturan telah pun diubah kepada yang berikut:

(i) Deposit tender boleh dikembalikan kepada pemborong pemborong dengan tidak payah menunggu keputusan penyerahan tender selepas dokumen-dokumen tender yang diterima oleh Jabatan Kerja Raya atau Konsultant-Konsultant dari Lembaga Tawaran itu didapati mengikut peraturan (bona fide tender sahaja).

(ii) Jika tender-tender yang diterima tidak mengikut peraturan (bukan bona fide tender), deposit-deposit tendernya akan dirampas.

(c) Sebagaimana dalam peraturan-peraturan yang ada, deposit-deposit tender tidak akan dibayar balik kepada pemborong-pemborong yang berjaya. Dalam peraturan-peraturan yang baru ini, peraturan seperti ini masih lagi dipakai iaitu deposit-deposit tender tidak akan dikembalikan kepada pemborong-pemborong yang berjaya. Ini boleh dibuat seperti berikut:—

(i) Sungguhpun semua deposit-deposit tender akan dikembalikan kepada penawar-penawar bona fide sebelum penyerahan kontrak, deposit tender dari pemborong yang berjaya akan dipungut dari bayaran progressnya.

BAYARAN PROGRESS

a) Peraturan yang tetap ialah bayaran progress hendaklah dibuat setiap bulan berpandukan dengan progress sebenar yang telah dicapai oleh pemborong.

b) Dari itu, jika bayaran-bayaran tidak dibuat mengikut peraturan, pemborong-pemborong hendaklah menghadapi perkara ini kepada pegawai penguasa atau kepada Pengarah Kerja Raya jika perlu.

c) Progress billings hendaklah disediakan berbanding sama ada physical progress telah dicapai atau belum. Jika tidak ada progress dicapai, ini akan diperingatkan dalam progress billings.

PENYIAPAN DAN PENYERAHAN PROJEK

a) Jika projek-projek telah pun siap dengan memuaskan dan dipersetujui oleh semua pihak yang berkenaan, projek-projek itu hendaklah diserahkan dengan serta merta. Jika ini tidak boleh dibuat dengan serta merta, ianya hendaklah dimaklumkan kepada Pengarah Kerja Raya oleh semua pihak yang berkenaan untuk menentukan dan meneliti cara-cara untuk mempercepatkan penyerahan tersebut.

b) Selepas projek-projek itu diserahkan, maka kontrak-kontrak hendaklah ditetapkan penentuannya tidak lewat dari enam (6) bulan selepas penyerahan.

c) Di akhir tempoh pemeliharaan, perkara-perkara berikut hendaklah dibuat:—

(i) Memeriksa kerosakan-kerosakan yang hendak dibaiki dengan pegawai-pegawai penguasa.

(ii) Melaksanakan kerja-kerja memperbaiki, seberapa segera yang boleh.

(iii) Selepas menyiapkan kerja-kerja memperbaiki, pemeriksaan gabungan dibuat bagi menentukan jika kerja-kerja memperbaiki telah pun siap dengan memuaskan atau tidak.

(iv) Jika kerja-kerja memperbaiki telah pun dibuat dengan memuaskan, Pemborong-pemborong telah pun memenuhi semua tanggungjawab mereka di bawah undang-undang yang disyaratkan dalam kontrak, semua wang-wang tahanan yang hendak dibayar kepada pemborong-pemborong ini akan dikeluarkan dengan serta merta.



ROMBONGAN pelawat dari S.M.M. Bendahara Sakam Bunut sedang mendengar taklimat di Pejabat Penerangan.

Lawatan penuntut ke Penerangan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Penerangan minggu lepas telah menerima dua lawatan berasingan yang terdiri dari Ahli-Ahli Persatuan Sains Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI) dan Guru-Guru Sekolah Menengah Sungai Kebun.

Ahli-ahli Persatuan Sains STPRI seramai 19 orang diketuai oleh guru mereka, Awang Jagadish.

Manakala rombongan guru-guru Sekolah Menengah

Sungai Kebun seramai 23 orang pula diketuai oleh Pengetua sekolah itu, Awang Haji Md. Taib bin Sulaiman.

Sebaik-baik saja tiba mereka telah dibawa ke Bilik Taklimat bagi menerima penerangan.

Ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh Ketua Unit Sivik dan Kemasyarakatan, Awang Haji Junaidi bin OKSN Haji Mohd. Safar.

Penerangan ringkas mengenai susunan pentadbiran dan tugas-tugas Jabatan

Penerangan pula telah diberikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Awang Yusoff bin Ladi.

Setelah itu mereka beralih ke Bilik Muzakarah bagi sesi ramah mesra dengan Pengarah Penerangan dan pegawai-pegawai kanan jabatan tersebut yang mana memberi kesempatan bagi pelawat bertanya berbagai perkara berhubung dengan tugas-tugas Jabatan Penerangan dan hal-ehwal semasa di samping mengajukan idea-idea mereka bagi meningkatkan lagi mutu perkhidmatan Jabatan Penerangan.

Lawatan penuntut ke ABDB

PERKEMAHAN BOLKIAH. — Seramai 33 orang penuntut-penuntut dari Sekolah Menengah Melayu Ahmad Tajuddin Kuala Belait serta dua orang guru mereka yang diketuai oleh Awang Shahrul Marzuki bin Abdullah, telah mengadakan lawatan ke Angkatan Bersenjata Diraja Brunei pada hari Khamis lepas.

Lawatan tersebut bertujuan bagi mendekatkan lagi pengetahuan para penuntut di lapangan kerjaya tentera, yang mana ianya dikhususkan kepada semua Sekolah-sekolah Menengah seluruh negara dengan kerjasama daripada Jabatan Pelajaran dalam projek siri Lawatan Sambil Belajar di bawah kelolaan Pasukan Angkatan

Bersenjata.

Pegawai Perhubungan Sekolah-sekolah Lt. Haji Abu Bakar menerangkan dalam satu pertemuan bahawa melalui projek ini penuntut-penuntut yang berminat di bidang kerjaya tentera akan berkesempatan melihat secara dekat tentang hal-ehwal ketenteraan selain daripada memberikan mereka peluang mengenai selok-belok tentera menerusi lawatan-lawatan yang diaturkan.

Pelita juga diberitahu terdahulu sebelum lawatan dimulakan setiap sekolah-sekolah yang menyertai siri lawatan ini akan terlebih dahulu diberikan taklimat dan penerangan-penerangan oleh pihak Angkatan Bersenjata di sekolah masing-

masing.

"Boleh dikatakan tujuan lawatan sambil belajar ini sekali gus merekrut penuntut-penuntut yang berminat di bidang kerjaya tentera, di samping dapat mengetengahkan mereka tentang aspek-aspeknya. Secara tidak langsung projek ini dapat mendedahkan keinginan para penuntut untuk menceburinya," jelas Lt. Haji Abu Bakar.

Lawatan pada hari itu termasuklah ke Muzium Angkatan Bersenjata di mana terdapat berbagai jenis peralatan perang telah dipamerkan dan juga antara yang turut dipamerkan termasuklah senjata-senjata pemberontak yang didapati semasa peristiwa tersebut.

PEMBETULAN

AYAT-AYAT dalam ruangan pertama, paragraf keenam di bawah tajuk "Menteri Hal Ehwal Luar Berangkat Pulang" yang disiarkan di muka 20 keluaran 5 September 1984 hendaklah dibaca seperti berikut:—

"Dalam lawatan itu Duli Yang Teramat Mulia juga telah membuat kunjungan hormat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Thai; TYT Tuan Bhichai Rattakul, Timbalan Perdana Menteri dan TYT Ketua Marshai Udara Siddhi Savetsila, Menteri Luar Thailand."

sudut **Royal Brunei** سودوت

Dua pelatih berkursus di UK

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang pelatih juruterbang baru Diraja Brunei, Awang Junaidi Masri dan Awang Abd. Rahim Md. Ali kini sedang berada di United Kingdom untuk mengikuti latihan juruterbang selama lebih setahun di Sekolah Latihan Perkhidmatan Udara, Perth.

Ianya merupakan sekolah juruterbang yang bertaraf komesial di Scotland dan berpengalaman luas dalam melatih juruterbang-juruterbang dari seluruh dunia. Sekolah itu juga telah melatih dua orang pegawai tempatan pertama yang kini berkecayaan sepenuhnya dan kerap membuat penerbangan bagi Diraja Brunei.

Sebelum meninggalkan negara ini, kedua-dua pelatih dari Pusat Tingkatan Enam, Gadong itu telah menandatangani perjanjian kontrak bagi latihan di Pusat Teknikal Penerbangan Diraja Brunei. Hadir sama ialah Pengurus Operasi Pener-

bangsan Diraja Brunei dan keluarga pelatih-pelatih.

Sementara itu, seorang pelatih juruterbang akan kembali ke tanahair dari New Zealand, bagi memulakan bahagian terakhir kursus juruterbang.

Diraja Brunei menghendaki banyak lagi pelatih-pelatih juruterbang. Skim latihan juruterbang ditaja oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, dan terbuka hanya kepada rakyat negara ini.



TAHNIAH mungkin itu yang diucapkan oleh Kapten Lerry Olsen, Pengurus Operasi Penerbangan kepada Awang Abd. Rahim Md. Ali sementara kiri sekali Awang Junaidi Masri semasa majlis menandatangani kontrak dengan kedua pelatih tersebut.

PERKHIDMATAN KEDUA KE DARWIN OKTOBER DEPAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Diraja Brunei akan memulakan perkhidmatan penerbangan mingguan kedua ke Darwin pada 4 Oktober depan.

Perkhidmatan kedua ke Darwin dijadualkan pada setiap malam Khamis dan akan meninggalkan Darwin pada setiap pagi Jumaat. Manakala,

perkhidmatan biasa pada malam Sabtu dan meninggalkan Darwin pada pagi Ahad akan berjalan seperti biasa.

Pengurus Am Pener-

bangsan Diraja Brunei, David Lowe berkata, ini akan memperbaiki perhubungan-perhubungan dalam sistem penerbangan ke seluruh Asia Tenggara. Penerbangan pada setiap Khamis dari Brunei ke Darwin akan menyediakan sambungan sama sehari di Brunei melalui penerbangan-penerbangan Diraja Brunei melalui Hongkong, Manila, Kota Kinabalu dan Singapura.

Sementara itu, penerbangan setiap Jumaat dari Darwin akan membolehkan Territorians membuat sambungan sama sehari di Brunei melalui penerbangan Diraja Brunei ke Bangkok, Kuala Lumpur, Kota Kinabalu, Kuching dan Singapura.

Penerbangan kedua juga akan membolehkan bagi diadakan lawatan hujung minggu ke Darwin,

bertolak pada petang Khamis dan pulang pada pagi Ahad. Diraja Brunei telah menjalankan perkhidmatan mingguan B737 ke Darwin, persinggahan kesembilan bagi lebih setahun, dan akan mengadakan perkhidmatan kedua dengan pesawat Boeing 737.

Kesedaran begeh seluruh dunia

BANDAR SERI BEGAWAN. — Diraja Brunei buat pertama kalinya tahun ini, menyertai Kempen Kesedaran Begeh seluruh dunia anjuran Kawalan Trafik Udara (ATC)/IATA.

Kempen yang diadakan selama lapan hari mulai 23 Julai lalu, bertujuan bagi meningkatkan kesedaran kakitangan tentang perkhidmatan pelangan yang lebih baik menerusi pengendalian begeh dan untuk menumpukan perhatian terhadap masalah pengendaliannya.

Selain itu, ianya juga dihasratkan untuk memperbaiki dan meningkatkan taraf perkhidmatan penerbangan terhadap para penumpang.

Perkhidmatan Pelanggan telah mengadakan penyiasatan tentang cara-cara menanda begeh dan memeriksa keadaan begeh-begeh yang masuk dan keluar. Mana-mana kesilapan adalah dilaporkan balik.

Bagaimanapun, tiada banyak masalah yang didapati dan bukan merupakan masalah besar bagi kita memandangkan kita tidak mempunyai banyak penerbangan dan destinasi.



RBA sertai rally ASEAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Diraja Brunei akan menyertai Rally ASEAN yang akan berakhir di Stadium Negara Hassanah Bolikah tahun ini.

Peserta Diraja Brunei ialah Colin Jackson, yang pernah menyertai rally di Australia dan United Kingdom dan John Henderson, seorang lagi pemandu dan navigator berpengalaman. Mereka akan memandu Mazda 323 tajaan Muda Seri Berhad.

Selain itu, Diraja Brunei

juga telah menubuhkan sebuah jawatankuasa pengurusan bagi penyelenggaraan pasukan pembantu bagi pelaksanaan dan pemasangan barang ganti. Pasukan Penerbangan Diraja Brunei.

Dilantik menjadi pengerusi ialah Noel Laurensen, yang berpengalaman dalam rally Afrika Timur, sementara ahli-ahli lainnya ialah Sulaiman Kani, Alfonsus Liew dan Chua Chin Hwa.

AWANG Bong Yang San wakil Muda Seri Berhad berjabat tangan dengan Awang Colin Jackson dan Awang John Henderson di majlis penyerahan kereta Mazda 323 yang akan digunakan dalam perlumbaan tersebut oleh kedua-dua pemandu tersebut.

Pusat Kawalan ditubuh

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Operasi Penerbangan akan menguatkan lagi taraf perkhidmatan mereka dengan tertubuhnya Pusat Kawalan Gerakan jabatan itu Ogos lalu.

Pusat Kawalan Gerakan yang sekarang sudah berjalan, bagaimanapun, tidak akan mengambil alih beberapa fungsi dan berjalan dengan berkesan sepenuhnya sehingga semua kemudahan perhubungan siap dan terpasang.

Tiga orang Pengawal Gerakan itu ialah Joan Lim, Johari Othman dan Morgan Han.

Kawalan Gerakan Penerbangan Diraja Brunei ditubuhkan bertujuan bagi menggunakan sepenuhnya dan dengan efisien segala kemudahan operasi Penerbangan Diraja Brunei dan akan dikendalikan sepenuh masa waktu-waktu operasi biasa syarikat itu.

Pusat itu juga akan menyelaras dan menjadi pusat kawalan bagi semua gerakan kapal terbang demi mengurangkan gangguan penerbangan dan memastikan penyampaian maklumat antara jabatan berkenaan dan pertubuhan luar.

Untuk tujuan itu, ianya akan mengadakan satu sistem pemerhati penerbangan dan memberikan perhubungan bagi semua perkara lain dalam operasi penerbangan.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS....Siri ke-244

ISTERI MENGGUNAKAN NAMA SUAMI

ORANG yang tiada mahu mengaku bapa kepada seseorang, padahal orang itu sebenarnya bapanya, maka orang yang engkarkan bapanya yang sebenar itu adalah dilaknat oleh Allah dan malaikat dan manusia sekalian ertinya orang yang engkarkan bapanya yang sebenar telah membuat dosa besar dan jauh dari rahmat dan kesihanbalas Allah dan tempat orang itu di akhirat dalam neraka jahanam dan di dunia ia akan menerima bencana sebelum akhirat sebab derhakanya kepada

bapanya yang sebenar itu.

Banyak hadis-hadis menyebutkan perkara bapa yang benar itu, sila lihat di akhir kitab Riadhussalihin oleh Al-Imam An-Nawawi Rahmah Allah Taala.

Pulanah itu nama asalnya Pulanah bte Abdullah kemudian bila ia bersuami dia pakai nama suaminya dibelakang namanya seperti perempuan itu Zainab, lepas ia bersuami kepada Awang Damit Muhammad dia pakai Zainab Awang Damit Muhammad, maka perem-

puan itu meniru kelakuan orang Kristian dan orang Eropah, maka perempuan itu telah membuat dosa, kerana meniru kelakuan orang kafir dan mengagungkan perbuatan orang kafir dan membanyakkan pengikut-pengikut orang kafir.

Kalau perempuan itu tiada dikenali dan ia hendak kenalkan dirinya ia beri nama Zainab ahli Awang Damit Muhammad atau Zainab Awang Damit Muhammad kerana tujuan

kenalkan diri bukan tujuan mengubah nama dan mengubah binti.

Kalau Muhammad itu terkenal dengan anak

angkat Pak Dullah, maka datang seorang bertanya kamu siapa? Ia menjawab Muhammad Pak Dullah dengan tujuan mengenalkan

Bila suami isteri berlainan mazhab

TIADA sah isterinya berimam dengan suaminya yang bermazhab Hanafi, setelah isteri yang bermazhab Syafie mengambil air sembahyang setelah bersentuh dengan suaminya itu. Kerana suami itu telah

batal air sembahyang dengan menyentuh isterinya, dan tiada pula ia mengambil air sembahyang.

Anak mereka berdua boleh ikut mana-mana mazhab yang empat itu, tetapi di sebelah sini lazim-



diri dan bukan tujuan mengubah bin.

nya orang-orang bermazhab Syafie, dengan itu mazhab Syafie mudah dipelajari, dengan itu anak itu dapat kemudahan pada mengaji hukum-hukum mazhab Syafie.

WALLAHUAKLAM



JOHAN Membaca Al-Quran Lelaki, Awang Ibrahim bin Saad sedang menerima hadiah dari tetamu kehormat, Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani.

AWANG IBRAHIM DAN DK.

MASAYU

MENYANDANG JOHAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pertandingan Membaca Al-Quran dan Penyampaian Hadiah Syarahan Murid-Murid Sekolah Ugama Peringkat Akhir telah berlangsung di Dewan Raya Radio dan Televisyen Brunei pada petang hari Ahad, 16 September lepas dan disiarkan secara langsung melalui radio dan TV.

Pemangku Pengarah Jabatan Radio dan Televisyen Brunei, Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani telah menjadi tetamu kehormat dan telah berkesudian menyampaikan hadiah-hadiah kepada pemenang peraduan.

Bahagian Membaca Al-Quran Lelaki, Awang Ibrahim bin Saad dari Kawasan Brunei Dua telah menjadi Johan. Naib Johan di sandang oleh Awangku Musa bin Pengiran Haji Aliuddin dari Kawasan Brunei Dua dan tempat ketiga pula disandang oleh Awang Mohd. Raffie bin Junid dari Kawasan Brunei Satu.

Manakala dalam Bahagian Perempuan pula Johan telah disandang oleh Dayangku Hajjah Masayu binti Pengiran Haji Mohd. Yusof, dari Kawasan Brunei Empat, Naib Johan dimenangi oleh Dayangku Hartini binti Pengiran Aman dari Kawasan Brunei Dua dan tempat ketiga

Dayangku Supartini binti Pengiran Yusof, dari Kawasan Brunei Satu.

Pemenang-pemenang Peraduan Syarahan yang telah diadakan di Sekolah Ugama Paduka Seri Begawan Sultan Omar Ali Saifuddin, Kuala Belait pada 19 Ogos yang lalu telah juga menerima hadiah-hadiah mereka.

Mereka terdiri daripada Awang Sirajuddin bin Maidin dari Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Masna (Petang) yang menjadi Johan. Naib Johan Awang Ilham bin Abd. Manan dari Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Masna dan pemenang ketiga Awang Hasnan bin Othman dari Sekolah Ugama Tutong Kem.

Dalam bahagian syarahan perempuan, Johan telah disandang oleh Dayang Hajjah Susul binti Haji Suhaili dari Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Norain, Tutong; Naib Johan, Dayangku

Rusnah binti Pengiran Tengah, dari Sekolah Ugama Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah dan pemenang ketiga ialah Dayang Noraini binti Haji Abd. Ghafar dari Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Masna.

Majlis itu telah juga diselenggarakan dengan penyampaian Hadiah Pelajar Terbaik Tahun 1983 Lelaki dan Perempuan.

Awang Mohd Ali bin Haji Ali Omar murid Darjah VI Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Mutawakillah Hayatul Bolkiyah, Kampong Serusop telah terpilih sebagai Pelajar Terbaik.

Pelajar Perempuan Terbaik pula telah disandang oleh Dayang Raihan binti Haji Salleh, murid Darjah V, Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Mutawakillah Hayatul Bolkiyah, Kampong Serusop.

Sekolah Ugama Terbaik 1983 pula telah disandang oleh Sekolah Ugama Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Kampong Saba.

Majlis itu telah juga diserikan dengan persembahan syarahan yang bertajuk 'Pendidikan Ke Arah Generasi Yang Bertakwa' yang juga merupakan tema pertandingan oleh Johan Syarahan Lelaki dan Johan Syarahan Perempuan, serta persembahan nasyid dari penuntut penuntut Sekolah Menengah Arab (Ugama) Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit yang bertajuk 'Brunei Darussalam'.

Doa selamat di akhir majlis telah dibacakan oleh Ustaz Haji Long bin Mat Saman.

Ahli DPT lawat DBP

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dewan Bahasa dan Pustaka telah menerima serombongan lebih 50 orang pelawat-pelawat dari ahli-ahli Dewan Perniagaan Tiong Hwa di sini pada Sabtu lepas.

Turut mengalu-alukan rombongan tersebut ialah Timbalan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Dayang

Fatimah binti Haji Hussin dengan memberikan penerangan secara umum berkenaan dengan peranan dan tugas jabatan tersebut. Seterusnya pelawat tersebut juga berpeluang bersoal jawab dengan beliau.

Kemudiannya rombongan ini dibawa melawat ke beberapa bahagian yang penting di antaranya ke Bahagian

Penyelidik dan Penggalakan Kebudayaan dan Bahagian Pembinaan dan Perkembangan Bahasa.

Di antara tujuan lawatan tersebut adalah untuk mengetahui secara dekat lagi akan tugas jabatan ini selain daripada peranannya dalam Perkembangan Bahasa Melayu di negara ini.

Dua penuntut memeluk Islam

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu majlis pengislaman bagi meraikan dua orang saudara baru telah dilangsungkan di Auditorium Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan Sekolah Sains, Jalan Muara pada 8 September yang lalu.

Saudara-saudara baru itu ialah dua orang penuntut di sekolah tersebut iaitu Dayang Salia binti Gudang, berasal dari Kampong Ukong dan Dayang Leong Mei Yann berasal dari Kampong Kianggeh.

Dayang Salia telah melafazkan ikrar Islamnya di hadapan Dayang Azadah binti Haji Awang Besar dan memilih nama Islamnya sebagai Dayang Norsyahrina binti Abdullah. Sementara Dayang Leong Mei Yann telah melafazkan ikrar Islamnya di hadapan Dayang Noriah binti Haji Abd. Hamid dan memilih nama Islamnya sebagai Dayang Norihsan binti Abdullah.

Majlis tersebut adalah buat kali yang keduanya diadakan

oleh maktab tersebut. Ianya juga telah diisikan dengan ceraman khas oleh Ustazah Aishah binti Orang Kaya Maraja Laila Haji Mohd. Yusof, Pegawai Pelajaran Ugama, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Hadir sama di majlis itu ialah Pengetua Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan/Sekolah Sains, Jemputan-Jemputan Khas, Pegawai-Pegawai Kerajaan, penuntut-penuntut dan Pegawai-Pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama.

Majlis telah diserikan dengan Zikir Marhaban dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.



KEDUA orang penuntut itu sedang melafazkan 'Dua Kalimah Syahadah'.

"Barangsiapa yang memulakan salam maka orang itu terlebih Aula (lebih utama) dengan Allah dan Rasul-Nya."

MARILAH kita sama-sama bertakwa ke hadrat Allah dengan cara mengikut dan mematuhi perintah-Nya serta menjauhi larangan-larangan-Nya memelihara diri daripada dosa dan maksiat dan sebaliknya gemar kepada kebajikan dan pahala. Mudah-mudahan dengan itu kita mendapat rahmat dan keredaan-Nya jua.

Salah satu cara hidup Islam yang indah ialah orang Islam memberi salam ke atas saudaranya orang Islam yang lain. Walaupun perkara ini sudah selalu diperkatakan tetapi amat baik diulangi lagi supaya lebih terang dan orang tidak lupa kepadanya.

SETIAP KALI BERTEMU

Daripada Sahabat Anas bin Malik Radiallahu Anhu, Nabi Muhammad Salallahu Alaihi Wassalam, Sayidina Ali bin Abi Talib dan Sayidina Abu Bakar As-Siddiq Radiallahu Anhumma kedua sahabat ini apabila berjumpa atau bertemu maka Sayidina Alilah yang lebih dahulu memberi salam yakni Sayidina Abu Bakar hanya menjadi tukang jawab salam Sayidina Ali setiap kali dua sahabat ini bertemu. Tetapi pada suatu hari Sayidina Ali sengahaja tidak mahu memulakan memberi salam kepada Sayidina Abu Bakar sehingga Sayidina Abu Bakar dengan terpaksa memulakannya dan di-

jawab kemudian oleh Sayidina Ali. Hal ini sebenarnya benar-benar di luar kelaziman kerana itu ia diadukan orang kepada Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam perihal Sayidina Ali enggan dari memulakan salam ke atas Sayidina Abu Bakar pada kali ini. Nabi pun memanggil Sayidina Ali dan bertanya mengapakah demikian? Menjelaskan Sayidina Ali: Sebab mengapa beliau enggan memulakan salam kali ini kerana ingin memberi peluang untuk Sayidina Abu Bakar mendapat kelebihan seperti yang didapatnya selama ini, berdasarkan pada malam sebelum kejadian ini berlaku, dia (Sayidina Ali) telah bermimpi melihat mahligai. Apabila ditanyanya mahligai untuk siapa ini? Dijawab bahawa mahligai itu ialah untuk siapa yang memulakan salam ke atas tolannya.

Ucapan 'salam' lebih aula, mengapa masih 'selamat pagi'

LEBIH AULA

Sabda Nabi Salallahu Alaihi Wassalam yang maksudnya:

Allah dan Rasul-Nya."

Berkata 'Azabzi bahawa ihtimal atau kemungkinan

"Bermula 'assalam' itu salah satu dari nama-nama Allah Taala, Dia telah meletaknya di bumi maka sebarankah ia oleh kamu"

"Barangsiapa yang memulakan salam maka orang itu terlebih Aula (lebih utama) dengan Allah dan Rasul-Nya ini ialah aula orang yang"

memulakan salam itu mendapat aman dan selamat pada Allah dan Rasul-Nya kerana makna salam itu sendiri pun bererti aman atau sejahtera.

Bersabda lagi Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam yang maksudnya:

"Bermula 'assalam' itu salah satu dari nama-nama Allah Taala, Dia telah meletaknya di bumi maka sebarankah ia oleh kamu."

KAMIL

Demikianlah sedikit daripada perkara salam untuk peringatan umat Islam bahawa salam itu tidak sama dengan lain-lain ucapan seperti ucapan-ucapan "Selamat Pagi", "Selamat Petang", dan lain-lain. Ucapan "Assalamualaikum" atau yang kamilnya "Assalamatullahi Wabarakatuh" adalah berbentuk dan berisi dengan doa kerana itulah sesiapa yang mengucapkan diberi

....salam itu tidak sama dengan lain-lain ucapan seperti ucapan-ucapan "Selamat Pagi", "Selamat Petang", dan lain-lain. Ucapan Assalamualaikum" atau yang kamilnya "Assalamatullahi Wabarakatuh" adalah berbentuk dan berisi dengan doa kerana itulah sesiapa yang mengucapkan diberi kelebihan oleh Allah Subhanahu Wataala.

Sebagai seorang Muslim yang sentiasa berhajat kepada rahmat Allah maka perkara ini amat elok diamalkan di dalam pergaulan kita sesama Islam dijadikan cara hidup di mana-mana jua kita berada. Marilah kita bangga dengan cara kita ini dalam makna bersyukur kerana kita telah dikurniakan oleh Allah aturan. Dan cara hidup yang indah ini dan tanda bersyukur itu ialah dengan memakai dan mengamalkannya.

Menuju keredaan Allah

DI SAMPING akal, kepada manusia yang singah hidup di permukaan bumi ini telah juga dikurniakan Allah petunjuk-petunjuk yang dinamakan jalan lurus atau agama. Dengan perantaraan Nabi-Nabi dan para Rasul dengan kitab-kitab suci-Nya iaitu Kitab Taurat, Injil, Zabur, tetapi semua kitab-kitab itu telah hilang. Dan diganti pula

oleh Allah dengan kitab suci Al-Quran. Akal manusia mestilah selalu didampingi dengan kitab Al-Quran, kalau tidak maka manusia akan sesat dan menjadi jahatlah manusia itu.

Iblis atau syaitan yang menjadi musuh manusia, yang sebenarnya adalah makhluk yang berakal pula. Sehingga kalau ia dihadapi manusia hanya dengan akal sahaja, sering manusia tewas, iblis menang, kerana dia melihat kita dan kita tidak dapat melihatnya. Apa lagi iblis atau syaitan di dalam perlawanannya

terhadap manusia selalu mempergunakan seluruh kekuatan yang ada padanya tanpa mengingati moral atau akhlak.

Kelebihan akal manusia dari akal iblis atau syaitan ialah kerana akal manusia dapat menerima petunjuk Allah (ugama), sedang akal syaitan atau iblis tidak dapat menerima petunjuk Allah yang dinamakan ugama itu.

Tetapi tidak dapat dibantah dan sungguh amat menyedihkan, tidak semua manusia dapat menerima hidayah Allah dengan akal-nya. Kerana pengaruh dan perdayaan dari syaitan, kebanyakan

manusia berpaling atau tidak menghiraukan akan petunjuk Allah itu, kerana ajakan perdayaan atau pengaruh syaitan atau iblis banyak manusia tidak pandai mensyukuri nikmat Allah, mereka menjadi fasik, membenci akan kebenaran, tidak beriman, tidak betul jalan fikiran atau salah pendapat, bodoh dan sebagainya. Firman Allah Taala dalam Surah Al-Akraf ayat 17 yang bermaksud kira-kira:

"Kemudian itu saya datang kepada mereka memperdayakan dari depan, dari belakang, dari kanan dan dari kiri"

mereka, sehingga kebanyakan mereka itu (manusia) tidak tahu bersyukur."

Selain dari ayat yang disebutkan tadi, banyak lagi disebut di dalam Al-Quran berhubung dengan iblis dan syaitan yang sering mengganggu dan memperdayakan jenis ini di antaranya dalam Surah Al-Maidah ayat 62, dalam Surah Al-Zukhruf ayat 78, dalam Surah Al-Baqarah ayat 99 dan ayat 100, Surah Al-Ankabut ayat 63.

Demikianlah Allah mengkhabarkan kelemahan-kelemahan manusia menghadapi iblis atau syaitan dan demikian

pula kekuatan iblis atau syaitan itu.

Walaupun demikian, janganlah kita menjadi kecut atau khuatir. Kepada kita manusia sudah dikurniakan Allah satu kekuatan ajaib sehingga iblis dan syaitan menjadi tidak terdaya jika berhadapan dengan kita manusia bilamana kita mempunyai kekuatan atau senjata tersebut.

Senjata yang saya sebutkan untuk melawan iblis dan syaitan itu bukan benda atau senapang dan lain-lain tetapi ialah iman kepada Allah, istiadah dan selalu kita amalkan zikir (mengingat Allah s.w.t.).

IMAN SENJATA YANG PALING KUAT

Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 19 September, 1984 hingga ke hari Selasa 25 September, 1984 adalah seperti di bawah ini: —

HARI BUKAN	ZUHUR		ASAR		MAGHRIB		ISYAK		IMSAK	SUBUH		MATAHARI TERBIT
	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir		Mulai	Berakhir	
19-20	12.21	3.36	3.37	6.24	6.25	7.37	7.38	4.53	4.39	4.54	6.09	6.10
21-25	12.19	3.35	3.36	6.22	6.23	7.34	7.35	4.51	4.37	4.52	6.08	6.09

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu. Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

Mesyuarat agung SKPRK

BANDAR SERI BEGAWAN. — Syarikat Kerjasama Pegawai-Pegawai Rendah Kerajaan Dengan Tanggungan Berhad akan mengadakan Mesyuarat Agungnya yang ketujuh pada hari Ahad, 23 September depan di Dewan Kuliah Peringatan Churchill di sini mulai pukul 8.30 pagi.

Mesyuarat itu akan dirasmikan oleh Pengarah Lembaga Kemajuan

Ekonomi, Haji Zakaria bin Haji Jenih.

Oleh yang demikian ahli-ahli syarikat itu adalah dikehendaki hadir ke mesyuarat tersebut bagi membincangkan antara lain mengenai kedudukan kewangan syarikat dan masalah kedai syarikat di Bangunan Letak Kereta Bertingkat yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan.

RTTB

Intisari minggu ini

RADIO MINGGU INI:

PENULISAN KREATIF DI RADIO



LAGU-lagu dendangan dari penyanyi Adam Ahmad iaitu Pergimu Ku Rela dan Kasihmu Oh Ibu menjadi pilihan peserta yang diundang datang ke studio bagi mengisi rancangan Dari Pendengar Untuk Pendengar.

Dayang Maimunah bte Haji Mohammad dari alamat No. 29 Kampong Pekan Lama, Negara Brunei Darussalam. Dayang Maimunah (atas) akan bersama awda semua pada hari Selasa 25 September jam 4.00 petang.

SEJAK mula ditubuhkan Radio Brunei memang berfungsi sebagai saluran bidang penulisan kreatif seperti cerpen, sandiwara radio, langgam suara dan sebagainya selain dari menyampaikan berbagai-bagai maklumat kepada orang ramai.

Melalui Ruangan Cerpen Di Udara dan Sandiwara Radio, Radio Brunei banyak menampilkan penulis-penulis yang berbakat di sekitar tahun-tahun 1960an hingga 1970an.

Dalam buku 'Suatu Pengenalan Sejarah Kesusastraan Melayu Brunei' yang ditulis oleh Muhammad Abdul Latif, dan diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, dalam muka surat 38 penulisnya menyatakan bahawa 'penulis-penulis cerpen radio yang aktif

dan produktif ketika itu adalah S. Muhammad (Musba), Kamid Sofyran, Adi Kelana, Adi Mas, Adi Marhaen, dan K. Manis. Mungkin mereka inilah juga pelopor penulisan kreatif di Radio ketika itu.

Di sekitar tahun 1962 hingga Ogos 1973 penulis-penulis di Brunei begitu ghairah berkeaktif di bidang penulisan cerpen di Radio Brunei, dan sekali gus pula disiarkan di majalah Suara Brunei, terbitan Jabatan Penyiaran dan Penerangan Kerajaan Brunei ketika itu. Lebih dari 124 orang cerpenis yang berbakat ditonjolkan oleh Radio Brunei, dan mereka menghasilkan lebih daripada 200 buah cerpen.

Begitu juga dalam bidang drama ataupun lebih

terkenal ketika itu dengan panggilan Sandiwara Radio, banyak menonjolkan bakat-bakat penulis di bidang tersebut. Agaknya Sandiwara Radiolah yang paling diminati oleh para pendengar ketika itu, kerana di sekitar akhir tahun 1950an hingga awal tahun 1970an televisyen Brunei belum lagi ditubuhkan.

Tetapi, dalam tahun-tahun 1980an sekarang ini graf penulisan kreatif kelihatan semakin menurun. Walaupun berbagai-bagai

kemudahan disediakan oleh Perkhidmatan Melayu Radio Brunei, bagi mempergiatkan bidang penulisan kreatif tersebut, namun bilangan penulis itu masih rendah dan masih kurang selera kreativiti mereka.

Dalam kesempatan yang baik melalui 'Radio Minggu Ini' kami ingin menyerahkan kepada penulis-penulis kreatif, timbulkan semula 'semangat penulisan' di Radio Brunei seperti tahun-tahun 1960-an hingga 1970an itu.

Sandiwara Radio:

Namun Dia Punya Hati

Oleh: Halimah Yaman

"NAMUN DIA PUNYA HATI," tulisan Halimah Yaman, Brunei akan mengisi ruangan Sandiwara Radio Minggu Ini, dengan mengutarakan masalah yang dihadapi oleh seorang yang cacat anggota, yang mendapat layanan serta pandangan hina dari orang di sekelilingnya sendiri.

Faizal yang baru berusia sepuluh tahun, telah mengalami lumpuh sejak lahirnya. Ia sendiri dapat merasakan yang ia hanyalah punca kesusahan bagi ibunya, kerana ia bergantung penuh pada bantuan ibunya. Penderitaan Faizal ditambah lagi oleh tindakan Zainal dan Milah yang secara terang-terangan tidak menyenangi kehadirannya di rumah mereka.

Bagaimanapun, Faizal tetap mendapat layanan yang sewajarnya dari ibunya dan juga abangnya Zaidi. Kedua-dua mereka inilah yang menjadi sinar dan galakan untuk kehidupan Faizal. Sayang sekali, pengorbanan ikhlas Zaidi itu ditentang oleh Zainal, yang pada zahirnya saja ingin membantu orang-orang yang malang melalui tugasnya tapi tidak pada hakikatnya yang sebenarnya.

Dalam pada itu, Zaidi telah memutuskan untuk memilih Mariah sebagai teman hidupnya nanti. Setelah Zaidi membawa Mariah untuk berkenalan dengan keluarganya, Mariah begitu terkejut bila mengetahui yang salah seorang dari anggota keluarga Zaidi mengalami kecacatan. Ia merasa sangat kesal kerana Zaidi tidak berterusterang padanya sejak awal-awal lagi.

Kecacatan Faizal itu telah membuatkan Mariah memandang jauh ke hadapan. Ia khawatir jika sekiranya ia meneruskan hubungannya dengan Zaidi dan kemudiannya berkahwin, ia akan bakal melahirkan seorang anak yang cacat seperti Faizal. Kerana itu ia memutuskan untuk melupakan Zaidi.

Apakah Zaidi bersedia memutuskan hubungan dengan Mariah, untuk kepentingan adiknya Faizal? Bagaimana pula peranan ibu mereka untuk meleraikan sengketa ini? Untuk mendapat keputusannya, kami persilakan pendengar sekalian untuk mengikuti siarannya pada 23 September, 1984 jam 10.30 pagi.

Rancangan ini diterbitkan untuk siaran oleh Dk. Maskupah Pg. Tajuddin.

MUTIKA 1984 PERINGKAT SEPARUH AKHIR RANCANGAN KEEMPAT

PESERTA delapan orang ini telah terpilih memasuki peringkat separuh akhir Pertandingan Mutika 1984. Rakaman-rakaman pertandingan tersebut akan dapat disaksikan pada hari Sabtu 22 September depan. Lapan orang peserta ialah: Ampuan Zubaidah, Haji Shahbuddin Haji Ibrahim, Kalsum Ali, Musa Mohd Daud, Salmiah Haji Hasbollah, Shahminan Suhaili, Mahmud dan Imit Haji Md Yassin.



Ampuan Zubaidah



Hj Shahbuddin Hj Ibrahim



Kalsum Ali



Musa Mohd Daud



Salmiah Haji Hasbollah



Shahminan Suhaili



Mahmud



Imit Haji Md Yassin

RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

HARI RABU 19 SEPTEMBER

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 FRAGGLE ROCK
- 4.55 INSPECTOR GADGET
- 5.20 DIFFERENT STROKES
- 5.45 WILD KINGDOM: "Land Of The Falcon"
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 WILD KINGDOM — sambungan
- 6.15 TEKA TEPAT
- 6.25 AZAN MAGHRIB
- 6.35 TEKA TEPAT — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 HART TO HART: "Two Harts Are Better Than One" Jonathan dan Jennifer mendedahkan rahsia pertemuan dan percintaan mereka di tengah-tengah pembunuhan dan intrik antarabangsa di kawasan menarik di London.
- 7.38 AZAN ISYAK
- 7.42 HART TO HART — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 LIPUTAN NASIONAL
- 9.05 ARE YOU BEING SERVED: "Calling All Customers"
- 9.35 THE MISSISSIPPI: "Cradle To Grave"
- 10.25 TAYANGAN GAMBAR: "The Scarlet And The Black"
- 11.55 SIARAN TAMAT.

HARI KHAMIS 20 SEPTEMBER

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 SESAME STREET
- 5.30 PACMAN
- 6.05 AGAINST THE ODDS
- 6.15 WONDERS OF THE WORLD: "Juggernaut"
- 6.25 AZAN MAGHRIB
- 6.35 WONDERS OF THE WORLD — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 CUTTER TO HOUSTON: "Don't Look For Zebra"
- 7.38 AZAN ISYAK
- 7.42 CUTTER TO HOUSTON — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 HIDAYAT
- 9.05 DUNIA MINGGU INI
- 9.35 HAWAII FIVE O: "Use A Gun, Go To Hell"
- 10.25 MAN ABOUT THE HOUSE: "While The Cats Away"
- 10.50 SPORTS PROGRAMME/GOLF: British Open Bkg. 2
- 11.50 SIARAN TAMAT.

HARI JUMAAT 21 SEPTEMBER

TENGAH HARI

- 12.00 PEMBUKAAN
- 12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 12.13 SUSUNAN RANCANGAN
- 12.15 SIARAN LANGSUNG SEMBAH-YANG FARU JUMAAT DARI MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN.

PETANG

- 1.24 JACQUES COUSTEAU'S ODYSSEY: Mediteranean: "Cradle Or Coffin" Adakah tempat lahirnya tamadun sedang diancam oleh pencemaran udara bandar dan industri? Cousteau dan beberapa saintis membuat penilaian mereka mengenai kesan-kesannya di kawasan itu.
- 2.10 CRUSADER RABBIT
- 3.00 RUBIK, THE AMAZING CUBE
- 3.25 WEBSTER
- 3.36 AZAN ASAR
- 3.40 WEBSTER — sambungan
- 4.00 MILLER'S COURT: "Stolen Child" (Episod terakhir)
- 4.30 YOU ASKED FOR IT
- 4.55 SCIENCE WORKSHOP
- 5.15 EXPEDITION DANGER
- 5.45 TOWARDS 2000
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 TOWARDS 2000 — sambungan
- 6.15 TEKA TEPAT
- 6.23 AZAN MAGHRIB
- 6.33 TEKA TEPAT — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 BLUE THUNDER: "The Island" (Episod terakhir)
- 7.35 AZAN ISYAK
- 7.39 BLUE THUNDER — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 DARI MIMBAR MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN, BANDAR SERI BEGAWAN.
- 8.45 LIPUTAN NASIONAL
- 9.15 DRAMA: Ratna Bkg. 2
- 9.45 KNOTS LANDING: "Marital Privilege"
- 10.05 TERRY AND JUNE (Siri terakhir)
- 10.35 MIKE HAMMER: "Seven Dead Eyes" Apabila beberapa ahli persatuan mereka dibunuh seorang demi seorang, Mike ingin mengetahui sebabnya?
- 11.25 GLEN CAMPBELL
- 11.55 SIARAN TAMAT.

HARI SABTU 22 SEPTEMBER

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 SESAME STREET
- 5.30 MARINE BOY: "Deepest Of The Deep"
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 WILD AUSTRALIA: "To The Island" Pulau Macquarie yang mempunyai sejarah yang bergemerlapan juga meng-

andungi berbagai jenis burung termasuk penguins, petrel, albatross, dan lain-lain.

- 6.25 DOMESTIC LIFE: "Small Crimes Court"
- 6.23 AZAN MAGHRIB
- 6.33 DOMESTIC LIFE — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 KNIGHT RIDER: "Blind Spot"
- 7.35 AZAN ISYAK
- 7.39 NIGHT RIDER — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 LIPUTAN NASIONAL
- 9.05 MUTIKA SEPARUH AKHIR No. 4
- 9.50 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA: "Senja Selalu Mendatang"
- 11.20 TAYANGAN GAMBAR AKHIR: "Picnic" Seorang penganggur meminta pekerjaan dari seorang bekas teman lama yang kaya, menimbulkan rangkaian kejadian-kejadian di satu perkemahan. Pelakon-pelakon: William Holden, Kim Novak, Rosalind Russell, Arthur O'Connell, dan lain-lain.
- 12.50 SIARAN TAMAT.

HARI AHAD 23 SEPTEMBER

PETANG

- 2.00 PEMBUKAAN
- 2.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 2.13 SUSUNAN RANCANGAN
- 2.15 TEETIME AND CLAUDIA
- 2.25 PINK PANTHER INSPECTOR
- 2.45 THE JEFFERSONS
- 3.15 BIG LEAGUE SOCCER
- 3.36 AZAN ASAR
- 3.40 BIG LEAGUE SOCCER — sambungan
- 4.10 LOVE BOAT (Episod terakhir)
- 5.05 HONDO: "The Apache Kid"
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 THE WORLD WE SHARE: "The Thrill We Chase"
- 6.23 AZAN MAGHRIB
- 6.33 BENSON

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 SIMON AND SIMON: "Bare Facts"
- 7.35 AZAN ISYAK
- 7.39 SIMON AND SIMON — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 DARI DEWAN RAYA

- 9.20 JOURNEY INTO INDIA: "Simla"

Di zaman pemerintahan Inggeris dulu di musim panas mereka pergi ke Simla untuk menghirup udara sejuk di sana. Sehingga sekarang pun begitu juga tetapi oleh penduduk-penduduk India peringkat pertengahan.

- 9.50 THE TWO RONNIES (Episod terakhir)
- 10.40 REILLY: ACE OF SPIES
- 11.40 SIARAN TAMAT.

HARI ISNIN 24 SEPTEMBER

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 DUKE OF HAZZARD
- 5.00 SUPERFRIENDS
- 5.30 THE POSEIDON FILES: "Secrets Of Batavia Coast" Bkg 2
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 TEKA TEPAT
- 6.23 AZAN MAGHRIB
- 6.33 TEKA TEPAT — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 FALCON CREST: "Ashes To Ashes" (Episod terakhir)
- 7.35 AZAN ISYAK
- 7.39 FALCON CREST — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 LIPUTAN NASIONAL
- 9.05 WRESTLING
- 10.00 THE GREAT LITTLE RAILWAYS OF THE WORLD:
- 10.50 EUREKA STOCKADE
- 11.50 SIARAN TAMAT.

HARI SELASA 25 SEPTEMBER

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 ARCHIES TV FUNNIES
- 5.00 WORLD OF SURVIVAL "Island of Gannets"
- 5.30 BUGS BUNNY SHOW
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 NOVA
- 6.23 AZAN MAGHRIB
- 6.33 NOVA — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 THE FALL GUY: "Pleasure Isle" Colt, Jody dan Howie menembusi kehidupan privet Robert Vesman yang telah mencuri berjuta ringgit dari kumpuan wang simpanan pesara-pesara kaya.
- 7.35 AZAN ISYAK
- 7.39 THE FALL GUY — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 ARENA SUKAN
- 9.15 THE YELLOW ROSE: "Only The Proud"
- 10.05 TAYANGAN GAMBAR: "The Memory Of Eva Ryker" Seorang wanita susah melupakan pengalaman-pengalamannya ketika kapal mewah yang ditumpanginya di torpedo walaupun sudah empat dekad kemudian. Pelakon-pelakon: Walter Gauman, Natalie Wood, Robert Foxworth, Ralph Bellamy, dan lain-lain.
- 11.35 BEST OF THE MIDNIGHT SPECIAL
- 12.05 SIARAN TAMAT.



ADAKAH ini bekalan ketika berpiknik? Mungkin juga — kerana ini menunjukkan adegan dari tayangan gambar Sabtu depan yang berjudul PICNIC.

SELAMAT KEMBA



SERAMAI 1920 orang jemaah haji negara ini telah selamat pulang ke tanahair dengan empat penerbangan sewa khas. Beratus-ratus kaum keluarga dan sanak saudara membanjiri Bangunan Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas menyambut kepulangan jemaah-jemaah haji tersebut.


Penerbangan pertama yang membawa seramai 478 orang jemaah selamat mendarat di lapangan terbang pada jam 1.00 petang Khamis lalu setelah terlewat kira-kira 20 jam dari yang dijadualkan.

Rombongan berikutnya yang mengandungi 477 orang jemaah menyusuli hari berikutnya yang juga terlewat beberapa jam. Penerbangan ketiga juga membawa 477 orang jemaah tiba pada hari Sabtu jam 9.00 malam.

Penerbangan yang akhir pula tiba pada 17 September dua jam lebih awal dari yang dijadualkan iaitu kira-kira jam 2.00 pagi.

Di samping kaum keluarga dan sanak saudara jemaah haji, beberapa orang pegawai Kanan Kerajaan juga telah berada di lapangan terbang untuk mengalu-alukan ketibaan jemaah haji tersebut. Antaranya ialah YDM Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Menteri Pelajaran dan Kesihatan, Pegawai-pegawai Kanan Jabatan Hal Ehwal Ugama dan Ahli-ahli Jemaah Penasihat Haji.

KETIGA-TIGA 'si kecil' ini begitu gembira kerana dapat menunaikan fardu haji bersama orang tua mereka (atas sekali). Kakitangan Perubatan dan Kesihatan turut membantu jemaah-jemaah haji yang uzur (atas). Manakala bawah ialah sebahagian dari hiasan pintu-pintu gerbang untuk menyambut kepulangan jemaah haji.



JELAS terbayang di wajah mereka rasa syukur dan kebahagiaan para jemaah di rumah disambut mesra oleh keluarga dan sahabat-sahabat selamat agar sentiasa dalam kesejahteraan.




KE TANAH AIR



Gambar-gambar oleh Haji Sharbini Taha dan Ak. Bahar PHO.

RATUSAN kaum keluarga dan sanak-saudara yang menyambut kepulangan jemaah haji bersekesak-sesak di luar Bangunan Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas sambil dikawal oleh pegawai-pegawai keselamatan (kiri). Antara pegawai-pegawai kanan Kerajaan yang turut mengucapkan selamat pulang kepada para jemaah ialah Y.D.M. Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Menteri Pelajaran dan Kesihatan. Manakala gambar-gambar bawah kelihatan para jemaah berada di bilik pemeriksaan Kastam dan Imigresen dan pesawat yang membawa jemaah-jemaah haji tersebut.



sembira kerana telah selamat menunaikan rukun Islam yang kelima (atas). Ketihenuh kemesraan oleh keluarga masing-masing di samping membacakan doa (gambar bawah).



Rancangan Rancangan RADIO

WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam setiap hari.

SIARAN F.M. STEREO

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

GELOMBANG SEDERHANA

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

TIAP-TIAP HARI:

PAGI

6.00- 6.02 Allah Peliharakan Sultan
6.05 Sinaran Wahyu
6.15 Pedoman Hidup
6.30 Membacakan Susunan Rancangan
6.33 Dendang Suria
7.00 Dendang Suria
7.10 Panduan Sukan

TENGAH HARI

11.30-12.45 Untuk Awda
1.00 Majalah Radio siaran asal dan ulangan (kecuali hari Jumaat dan Ahad)

PETANG

4.30 Rampai Petang
6.00 Menuju Keredaan Allah Siaran langsung menaikkan sembahyang Fardu Maghrib dari Masjid Omar Ali Saifuddin.

MALAM

7.30 Majalah Radio
10.15 Bacaan Al-Quran
10.25 Doa Restu
10.29 Allah Peliharakan Sultan.

WARTA BERITA:

6.45 pagi (Berita Perdana)

8.00 pagi

10.00 pagi

12.45 tengah hari

1.30 tengah hari (hari Jumaat)

3.00 petang

5.30 petang (Berita Perdana)

8.00 malam

MENYIARKAN AZAN:

Zuhur, Asar, Maghrib dan Isyak.

HARI RABU 19 SEPTEMBER

PAGI: 9.00—Taman Mekar (SU), 9.30—Pilihan Pendengar, 10.15—Permintaan Pagi Rabu, 11.15—Tinjuanan.

TENGAH HARI: 1.30—Hiburan Paduan Suara.

PETANG: 2.00—Dunia Wanita, 2.30—Penyanyi Minggu Ini, 3.15—Lagu-lagu Tanpa Nyanyian, 3.30—Bahas Sekolah-sekolah (SU), 4.00—Hiburan Petang, 4.30—Bangsawan Di Udara (Seri Rama siri ke-empat), 5.00—Rampai Petang, 5.45—Senandung Senja, 6.00—Menuju Keredaan Allah.

MALAM: 7.00—Titian Budaya (SU), 7.15—Selingan Irama, 8.15—Permintaan Sukaramai, 9.15—Hiburan Malam.

HARI KHAMIS 20 SEPTEMBER

PAGI: 9.00—Pertanian (SU), 9.30—Pilihan Pendengar, 10.15—Penglipur Lara, 10.30—Permintaan Sukaramai.

TENGAH HARI: 1.30—Senandung Lagu-lagu Lama/Sumbangsih.

PETANG: 2.00—Tetamu Radio (SU), 2.30—Fokus/Hiburan Petang, 3.15—Hiburan Petang, 3.30—Majalah Ugama, 4.00—Drama Dari Novel, 4.30—Rampai Petang, 5.45—Senandung Senja, 6.00—Menuju Keredaan Allah.

MALAM: 7.00—Bacaan Surah Yassim, 8.15—Selingan Irama, 8.30—Bimbingan Al-Quran, 9.00—Lagu-lagu Asli, 9.30—Tafsir Al-Quran.

HARI JUMAAT 21 SEPTEMBER

PAGI: 9.30—Nada Pedoman, 10.15—Soalan Di Udara, 10.30—Tafsir Al-Quran (SU), 11.00—Mutia Asli, 11.30—Bimbingan Al-Quran (SU), 12.00—Pedoman Hidup, 12.15—Bacaan Al-Quran, 12.30—Siaran Langsung Menuaikan Sembahyang Fardu Jumaat.

TENGAH HARI: 1.15—Selingan Irama, 1.45—Lagu-lagu Instrumental Melayu.

PETANG: 2.00—Lukisan Masyarakat, 2.30—Hiburan Petang, 3.15—Hiburan Selingan (SU), 3.30—Pelajaran Dewasa Di Udara, 4.00—Permintaan Jiran Tetangga, 4.30—Dunia Wanita, 5.00—Hiburan Petang, 5.45—Suntingan Khutbah Jumaat.

MALAM: 7.00—Cerpen Dan Salukan, 8.15—Selingan Irama, 8.30—Majalah Ugama (SU), 9.00—A'lam Remaja (SU), 9.30—Hiburan Malam.

HARI SABTU 22 SEPTEMBER

PAGI: 9.00—Pelajaran Dewasa Di Udara (SU), 9.30—Hiburan Riang Ria, 9.45—Soalan Di Udara (SU), 10.15—Varia Peristiwa (SU), 10.30—Rampaisari.

TENGAH HARI: 1.30—Mutika Separuh Akhir.

PETANG: 3.15—Hiburan Petang, 3.30—Cerpen Dan Salukan (SU), 4.00—Mutia Asli (SU), 4.30—Rampai Petang, 5.45—Kuliah Ugama.

MALAM: 7.00—Tinjuanan (SU), 8.15—Syair Perlembagaan, 8.30—Bangsawan Di Udara (SU), 9.00—Permintaan Malam Minggu.

HARI AHAD 23 SEPTEMBER

PAGI: 9.00—Taman Mekar, 9.30—Hiburan Hari Minggu, 11.30—Sandiwara Radio, 12.00—Tahniah dan Ucapan Selamat.

TENGAH HARI: 1.00—Permintaan Dua Stesen.

PETANG: 2.00—Serbanika Hiburan, 2.30—Fokus (SU), 3.15—Majalah Sukan, 3.45—Titian Budaya, 4.00—Senandung

Lagu-lagu Lama/Sumbangsih, 4.30—Buang Si Gandam, 5.00—Tetamu Radio, 5.45—Senandung Senja.

MALAM: 7.00—Seni dan Sastera, 7.15—Lagu-lagu Selingan, 8.15—Selingan Irama, 8.30—Suara Perajurit, 9.00—Drama Dari Novel (SU), 9.30—Pilihan Pendengar.

HARI ISNIN 24 SEPTEMBER

PAGI: 9.00—Dendang Antarabangsa, 9.30—Pilihan Pendengar, 10.15—Berdendang Denganku, 10.30—Pertanian, 11.00—Sukma Ria, 11.30—Untuk Awda.

TENGAH HARI: 1.30—Permintaan Hari Isnin.

PETANG: 2.30—Lukisan Masyarakat (SU), 3.15—Syair Perlembagaan, 3.30—Alam Remaja, 4.00—Rampai Petang, 4.15—Ruangan Katani, 4.30—Rampai Petang, 5.45—Senandung Senja, 6.00—Menuju Keredaan Allah (SU).

MALAM: 7.00—Majalah Sukan (SU), 8.15—Lagu-lagu Selingan (SU), 8.30—Kuliah Ugama (SU), 9.00—Serbanika Hiburan, 9.30—Kutujukan Lagu.

HARI SELASA 25 SEPTEMBER

PAGI: 9.00—Suara Perajurit, 9.30—Pilihan Pendengar, 10.15—Lagu-lagu Berirama Dangdut, 10.30—Permintaan Kaum Wanita.

TENGAH HARI: 1.30—Kusampaikan Salam.

PETANG: 2.30—Varia Peristiwa, 2.45—Gema Silam, 3.15—Seni dan Sastera (SU), 3.30—Sukma Ria (SU), 4.00—Dari Pendengar Untuk Pendengar, 4.30—Rampai Petang, 5.45—Senandung Senja.

MALAM: 7.00—Ruangan Katani (SU), 8.15—Selingan Irama, 8.30—Sandiwara Radio (SU), 9.00—Bahas Sekolah-sekolah, 9.30—Permintaan Sukaramai.

RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

EVENING Wednesday

P.M.

8.00 Hello Tomorrow
8.30 35th Cheltenham Festival: Aeolian String Quartet Programme 2 (side 3 of 3)
9.00 Popular Classic: Concerto Classical Disc 6 (side 1 of 2 cut 1 & 2).
9.30 Talking About Music — 280/290.

Thursday

P.M.

8.00 International Money Programme
8.15 World Theatre: "A Doll's House" by Eric Ibsen.
9.30 Peter Skellern Entertains (side 2 of 2)

Fridays/Holidays

A.M.

11.00 Fifteen Minute Theatre: Falling by Jonathan Raban.
11.15 Light Music From The Netherlands — 623.
11.30 Children's Half Hour

NOON

12.00 19th Cambridge Folk Festival: Cilla Fisher and Artie Freize — 2/12.
12.45 My Music — 319/436

P.M.

1.15 Book Club: The Hobbit by J.R.R. Tolkien — 1/15.
1.30 Break for music with Malay traditional songs — 40/40.
1.45 Just for variety by continuity announcer.

2.00 Soundtrack of the Sixties (K842 — 3 side 2B & 3B)
4.00 Chinese programmes.
8.00 The World of Books
8.30 Thirty-Minute Theatre: "The Last Visit by Dave Simpson."
9.00 Perspective
9.30 A Date with (repeat)

Saturday

P.M.

8.00 Hits In Germany.
8.30 Animal, Vegetable or Mineral — 38/46.
9.00 Strictly Instrumental
9.30 Top of The Pops — 1035.

Sunday

A.M.

11.00 Our Views — with chairlady Mordiah Haji Jackia — 19/26.
11.30 Practical World
11.45 London This Week

NOON

12.00 A Date With

P.M.

12.45 Review of the Week
1.00 Top of The Pops — 1035 (repeat)
1.30 Weekend Greetings
2.45 "Patterson" by Malcolm Bradbury & Christopher Bigsby — 2/8.
3.15 Just for variety
8.00 Our Views — 19/26 (repeat)
8.30 BBC Science Magazine
9.00 Beautiful Music — 31/60
9.30 Soundtrack of the Sixties (K842 — 4 side 1A)

Monday

P.M.

8.00 Theatre Forty-Five: "Ras-selas" by Samuel Johnson
8.45 The Guitar Greats: Jeff Beck — 6/14 side 1 of 2.
9.30 The New Swingle Singers Prog. 2 "Songs of Love"

Tuesday

P.M.

8.00 Just For You by Jafar Yaakub
9.00 In Sentimental Mood
9.30 Stereo Pop Special: Vintage Genesis — 1975 side 2.

Daily

A.M.

6.29 Jingle
6.30 Allah Peliharakan Sultan
6.32 Quran and It's Translation
6.45 Berita Perdana followed by Brunei In History, Brunei's AM and Weather Forecast
7.30 Local News with Tide Times
7.35 Brunei's AM (continued)
8.30 Chinese programmes.
11.00 Ladies at Eleven except Fridays and Sundays.

NOON

12.00 Lunch Break except Fridays and Sundays.
12.30 News followed by Brunei In History, and Weather Forecast

P.M.

2.00 Close for morning transmission on Mondays-Thursdays
4.00 Close for morning transmission on Fridays and Sundays
9.15 News.



RAZAK Yahya

JAINUDDIN Kassim

SUKAN PELITA

Kelolaan: Manaf Rahman

Takraw tiga wilayah :

MASING-MASING RASA OPTIMIS

MENJELANG kejohanan takraw tiga wilayah (22-24 September), Sabah, Sarawak dan negara tuan rumah melahirkan perasaan optimis untuk keluar sebagai juara kali ini.

Ketiganya membuat persediaan yang rapi dan persaingan hebat setentunya akan lahir dan tidak dinafikan lagi pasukan tuan

rumah akan lebih terasa tekanannya.

Sabah dan Sarawak mengakui yang Brunei mempunyai kelebihan untuk memenangi kejohanan kali ini memandangkan prestasi mereka yang semakin meningkat ditambah 'bermain di tempat sendiri'.

Meskipun begitu keduanya tidak menafikan yang piala itu tidak mustahil untuk dirangkul antara ketiganya.

Ketika dihubungi melalui telefon oleh setiausaha jawatankuasa pengelola Pengiran Metassan bin Pengiran Abu Bakar, pengurus pasukan Sabah, Awang Abdul Hamid terus menekankan Sabah akan keluar sebagai juara.

"Kami akan membawa piala itu ke Sabah. Tidak ada tolak ansur. Latihan dan persediaan kali ini cukup

melakukannya, tambahannya.

Kali ini jelasnya, Sabah tidak akan berganjak dari hasratnya meskipun seringkali Sarawak dan negara Brunei sendiri yang sering bertentangan hebat.

Juara tahun lalu, Sarawak

cukup. Perjalanan kami mungkin rumit sedikit dan saya berasa positif yang bertentangan hebat akan kami hadapi dari pasukan tuan rumah, Brunei," jelasnya.

Beliau menekankan Brunei

'SARAWAK yakin dapat memper-tahankan Piala Borneo. Kami sudah bersedia. Lihat nanti. Tapi kami sudah merasakan tentangan hebat dari pasukan tuan rumah' Junaidi Ibrahim, Sarawak.

juga berkeyakinan dapat mempertahankan kejuaraan itu.

Setiausaha Persatuan Sepak Takraw Sarawak PESERJAS, Awang Junaidi Ibrahim menjelaskan: "Kami yakin dapat

bukan calang-calang pasukan. Kelebihan bermain di tempat sendiri mungkin lebih menyulitkan pasukan lawan.

"Tapi kami sudah bersedia. Lihatlah nanti. Yang penting kami akan memegang piala tersebut sekali lagi di tempat lawan."

Sementara itu skuad takraw kebangsaan terus menjalani latihan harian mereka dan dalam temu-ramah ringkas dengan Pengiran Metassan beliau menjelaskan para pemain sekarang berada dalam keceriaan yang meyakinkan.

"Kami hanya khuatir kecederaan akan menimpa pemain. Jika tidak maka peluang kita adalah cerah."

'KAMI akan membawa piala itu ke Sabah. Tidak ada tolak ansur. Latihan dan persediaan cukup meyakinkan. Jika Sabah selalu merangkul bola sepak Piala Borneo kenapa sepak takraw tidak'Awang Abdul Hamid, Sabah.

meyakinkan dan amat rapi bagi membolehkan 'mission' kami berjaya," tegas beliau.

Bola Sepak Piala Borneo sudah seringkali bersemayam di Sabah jadi kenapa sepak takraw tidak boleh

menyainkan piala itu sekali lagi. Meskipun kebanyakan barisan pemain skuad Piala Borneo Sarawak ini gandingan pemain muka baru dan lama."

"Tapi kami juga telah membuat persediaan yang

'SEMOGA ke-cederaan tidak menimpa para pemain. Jika tidak maka peluang untuk merangkul Piala Borneo adalah cerah' Pg. Metassan, Brunei Darussalam.

Sepatutnya piala itu sudah menjadi milik Brunei di kejohanan lepas dan kekalahan tipis dengan Sarawak sekarang menjadi ukuran untuk mengulangi dan membuktikannya di kejohanan ini nanti, terangnya.

"Dengan latihan dan persiapan yang dijalankan lebih kurang dua bulan setentunya skuad ini memiliki kecergasan dan stamina yang berlebihan kerana kekurangan daya ketahananlah yang menjadi punca kegagalan pasukan negara ketika bertemu dalam menentukan juara tahun lepas.

"Kami juga mengharapkan sokongan penuh dari penonton dalam memberikan sokongan moral semangat kepada pasukan negara agar dengan ini mereka lebih ghairah dalam menampilkan negara selaku juara kejohanan ini," ujar beliau.

Skuad negara jadi komando?

MAMPUKAH Brunei muncul selaku juara bola sepak Piala Borneo kali ini.

Prestasi yang turun naik, kelakuan yang kurang menyenangkan dalam kejohanan luar negeri seringkali mengurangkan kepercayaan para peminat kepada pasukan kebangsaan negara.

Selepas kejohanan Piala Borneo ini dapat dipastikan ke mana kita akan merangkak.

Skuad kebangsaan dalam membuat persediaan menghadapi Piala Borneo telah bergelombang hampir dua bulan dengan segala latihan.

Begitu seriusnya pasukan kebangsaan untuk mengembalikannya ke gemilangannya negara buat julung-julung kalinya skuad tersebut menjalani latihan ketenteraan.

Kenapa dengan mengadakan latihan ala komando ini? Semata-mata bagi membentuk satu pasukan yang tahan lasak, mantap, cergas dan berkebolehan.

Menyerapkan latihan tentera kepada pasukan bola sepak telah banyak menolong sesebuah pasukan itu berkebolehan dari segi mental dan fizikal.

"Dari segi ini kami banyak beruntung kerana mendapat kerjasama sepenuhnya dari Angkatan Bersenjata Diraja Brunei sama ada dari kemudahan latihan seperti padang hinggalah kepada latihan ketenteraan," ujar Awang Mohd. Noor Hj. Abdullah selaku Pegawai Perhubungan dan Pengurusan.

Setakat ini tidak nampak canggug skuad pelatih dalam menjalani latihan ala komando ini. Hanya sekali sekala terdengar keluhan letih, sakit dari mereka.

Tetapi kepercayaan yang diberikan untuk mereka mengembalikan prestasi bola sepak negara membenamkan keluhan mereka.

Bagaimana dengan harapan negara di kejohanan ini nanti?

"Peluang kita adalah sama. Apa yang diharapkan ialah sokongan penuh dari para penonton seperti yang pernah mereka berikan



AWG. Mohd. Noor Hj. Abdullah

dalam perlawanan-perlawanan di siri Piala Malaysia," tekan Awang Mohd. Noor.

Sabah dan Sarawak tambahan mempunyai matlamat sendiri. Jika ditinjau antara tiganya mungkin Sarawak dan Sabah mempunyai kelebihan. Sarawak selaku juara bertahan dan kedua pernah menumpaskan Brunei 3-1 di siri Piala Malaysia lepas.

Sabah sebaliknya telah bersedia lebih awal. Kebolehan mereka menjejakan kaki ke suku akhir Piala Malaysia dan menduduki tempat ketiga Piala Anchor di Singapura serta kedudukan seri 0-0 dengan Brunei dalam pertemuan lepas (P. Malaysia) menampakkan kematapan pasukan Sabah.

Adalah juga difahamkan Sabah masih mempunyai khidmat, Razali Zinin, Aliron Nulantan dan penyerang kebangsaan Malaysia Hassan Sani.

Sabah sekarang adalah dalam proses membentuk pasukan yang kuat bagi menghadapi Piala Malaysia dan difahamkan kejohanan Piala Borneo merupakan langkah mereka pertama.

Jika soal pencapaian sememangnya Brunei jauh kebelakang. Kita merosot dalam siri Piala Malaysia, gagal dalam Piala Merlion dan gagal dalam kejohanan tiga wilayah tahun lepas.

Kejohanan ini (21-23 September) mungkin dapat menjadi ukuran apakah kita sudah dapat membentuk pasukan mantap dan berkeupayaan mahupun sebaliknya.

Pasukan ke Piala Borneo ini masih mempunyai khidmat para pemain yang pernah meneraju negara dalam kejohanan-kejohanan antarabangsa.

Shari Timbang, Pg. Tajuddin, Zainuddin Kassim, Yusof Rashid, Jaafar Sulong, Ali Rashid, Ahmad Hj. Mohin, Razak Yahya masih berada untuk memberikan khidmat bagi membantu hasrat negara menjuarai kejohanan di tempat sendiri ini.

Turut berada dalam skuad kebangsaan Piala Borneo ini Pg. Rosli Pg. Tuah, Ahmadhizizi Simpol, Ayubkhan Jaya, Aji Hussien, Faisal Hj. Md. Yusof, Idrus Hj. Ibrahim, Suhaili Hj. Kula, Liew Chuan Fue, Rosanan Samak, Kasmi Hj. Abd. Hamid, Sharbini Razali dan Yunus Yusof.

Mereka telah memulakan latihan intensif bermula Ahad lepas sehingga esok, Khamis sebelum bermulanya Piala Borneo, Jumaat ini.



BADAN Kebajikan dan Sukan Jabatan Perkhidmatan-perkhidmatan Letrik telah mengadakan lumba jalan kaki tajaan pada 16 September lepas.

Lumba jalan kaki tajaan sejauh 15 batu itu adalah untuk kali keduanya diadakan dan terbuka kepada kakitangan, pegawai serta ahli-ahli badan tersebut dan bermula dari Simpang Jalan Berakas hingga ke Pantai Serasa.

Pengarah Perkhidmatan-perkhidmatan Letrik (gambar atas) adalah antaranya yang turut mengambil bahagian dan badan tersebut mengadakan kegiatan serupa adalah bagi mengutip derma pemergian jabatan itu ke kejohanan sukan antara lembaga-lembaga letrik buat kali keempat.

Pada tahun lalu Brunei telah dipilih menjadi tuan rumah. Kejohanan kali ini akan berlangsung di Sabah dari 26 September hingga 1 Oktober dan rombongan Letrik Brunei seramai lebih kurang 100 orang akan bertolak pada 24 September depan.

CEBURILAH KERJAYA MENCABAR LAGI MULIA DENGAN MEMASUKI



ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

**Sebagai Pegawai Bertauliah Jangka Pendek dalam
Angkatan Tentera Laut dan Udara**



**Awang-Awang ingin menceburkan diri dalam bidang
keahlian pimpinan dalam kerjaya sebagai Pegawai
Bertauliah Tetap**



**BORANG-BORANG PERMOHONAN SERTA PENERANGAN
LANJUT BOLEH DIDAPATI DARIPADA:**

**PEJABAT PENGAMBILAN ABDB
PUSAT LATIHAN
PERKHEMAHAN BOLKIAH
BANDAR SERI BEGAWAN
TELEFON: 30531 SAMB. 111/112**


**BORANG PERMOHONAN AWANG-AWANG MESTILAH DI-
HANTAR TIDAK LEWAT DARI HARI KHAMIS 4 OKTO-
BER, 1984.**

UNTUK terpilih, Awang-Awang mestilah memenuhi syarat-syarat yang diperlukan seperti berikut:

- Awang-Awang mestilah dilahirkan di Brunei dan rakyat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.
- Awang-Awang mestilah lulus sekurang-kurangnya 4 mata pelajaran GCE peringkat 'O' atau kelulusan sebanding dengannya dan hendaklah lulus dalam Bahasa Inggeris, kelulusan dalam Ilmu Hisab dan mata-mata pelajaran sains yang lain atau apa-apa jua kelulusan akademik yang lebih tinggi akan diberi keutamaan.
- Awang-Awang mestilah masih bujang, dan berumur antara 17½ hingga 25 tahun pada 14 Januari, 1985.
- Tinggi sekurang-kurangnya 5 kaki 1 inci dan berat badan tidak kurang 105 paun.



**Di dalam bidang keahlian jurusan Tentera Darat, seperti
Kejuruteraan, Logistik, Skuadron Kereta Perisai,
Skuadron Jurutera Pengempur, Bateri Pertahanan Udara.**



JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

Sebagai Pegawai Pelajaran Di Angkatan Bersenjata Diraja Brunei

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang berkelayakan untuk diiktiraf sebagai PEGAWAI PELAJARAN di Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Kementerian Pertahanan, Negara Brunei Darussalam.
 Sukatan Gaji : B.2 — \$2270-\$3760 sebulan.

A. PEGAWAI PELAJARAN (REKABENTUK DAN JENTERA)

Kelayakan dan Pengalaman :

- Pernah menjalani apprentis pesawat terbang yang diiktiraf atau latihan yang serupa dalam tata pertukangan Rebabentuk dan jentera.
- Mempunyai pengalaman praktikal sekurang-kurangnya 15 tahun dalam berbagai jenis pesawat terbang dan sekurang-kurangnya lima tahun dalam Rotorkraft. Keutamaan akan diberi kepada pemohon-pemohon yang mempunyai Lesen Kejuruteraan Pemeliharaan Pesawat Terbang bagi kelengkapan-kelengkapan berikut:—
 - Bell 212 dan Jentera
 - BO 105 dan Jentera
 - Bell 206 dan Jentera
- Pemohon yang mempunyai pengalaman mengajar akan diberi keutamaan.

Tugas-tugas :

- Mengajar secara praktikal dan membuat ujian ke atas bakal-bakal jurutera-jurutera, pegawai kejuruteraan (laki dan perempuan) dan juruteknik-juruteknik pesawat terbang bagi rekabentuk dan jentera dalam penggunaan kelengkapan-kelengkapan pesawat terbang.
- Meningkatkan kecakapan dan latihan untuk juruteknik-juruteknik pesawat terbang.
- Latihan pembiasaan bagi pemandu-pemandu dan juruteknik-juruteknik pesawat terbang dari satu jenis kelengkapan kepada jenis yang lain.
- Pemeliharaan pesawat terbang latihan dan lain-lain perkakas mengajar.
- Menyediakan dan pemeliharaan alat-alat mengajar dan kutubkan peperiksaan.

B. PEGAWAI PELAJARAN (AVIONIK) :

Kelayakan dan Pengalaman :

- Mempunyai sekurang-kurangnya 4 tahun pengalaman sebagai Jurulatih dan boleh mengajar aspek teori dan praktikal dalam semua bidang Avionik. (1)
- Pernah memegang jawatan mengajar di Badan berkuasa Penerbangan Awam yang diakui. Keutamaan akan diberi kepada pemohon yang mempunyai sijil Badan berkuasa Penerbangan Awam yang diluluskan. (2)
- Pernah menjalani apprentis yang diiktiraf atau latihan-

latihan yang serupa dalam sistem penerbangan pesawat terbang, kelengkapan Radio dan letrik.
 d) Mempunyai sekurang-kurangnya 15 tahun pengalaman praktikal dalam semua kelengkapan-kelengkapan Avionik.
 e) Mestilah berumur di antara 35 hingga 55 tahun.

Tugas-tugas :

- Latihan Avionik bagi pemandu pesawat terbang peringkat awal.
- Mengajar bakal-bakal pegawai Kejuruteraan dan juruteknik-juruteknik pesawat terbang dalam bidang elektrik dan elektronik bagi sistem senjata-senjata helikopter.
- Latihan pembiasaan bagi pemandu-pemandu pesawat terbang dan juruteknik-juruteknik pesawat terbang dalam semua bidang avionik dan elektrik bagi penggunaan kelengkapan-kelengkapan avionik helikopter.
- Menyediakan, perhubungan dan mengawas latihan yang diberikan kepada apprentis avionik pesawat terbang

Peringatan :

- Avionik. Satu istilah yang digunakan di peringkat antarabangsa untuk menerangkan semua sistem dan kelengkapan elektrik penerbangan termasuk radio, peralatan, elektrik dan elektronik.
- Sijil-sijil yang dianugerahkan oleh Badan berkuasa Penerbangan Awam telah menjalani latihan yang menyeluruh atau bagi kelayakan-kelayakan dalam jenis pesawat terbang yang tertentu.

Syarat-syarat Lantikan

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrak selama tiga tahun. Pembaharuan kontrak adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, bonus juga dibayar. Faedah-faedah termasuklah tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksis pada kadar 25 peratus daripada gaji setelah sempurna tamat kontrak. Calon-calon yang terdiri dari rakyat Negara Brunei Darussalam akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh percubaan.

Pada masa ini tidak ada cukai pendapatan dikenakan di Negara Brunei Darussalam.

Pemohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 15 November, 1984.

Bilangan iklan : 195/1984.

E/1961/80.

DI UNIT PERANCANG EKONOMI

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam.

1. PEGAWAI PERANGKAAAN RENDAH :

Tanggagaji : C. 1-2 EB. 3 — \$1280-\$2270 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman :

- Lulus Sijil Tinggi Persekolahan atau sebanding dan lulus Ilmu Hisab dalam Peringkat 'O' dan mendapat latihan dan pengalaman dalam pekerjaan yang sama tidak kurang dari 2 tahun;

ATAU

- Lulus Sijil Persekolahan serta pernah menghadiri satu kursus yang berkaitan dengan perangkaan di Institut yang diakui oleh Kerajaan dan pengalaman bekerja sekurang-kurangnya 5 tahun dalam bidang perangkaan;

ATAU

- Lulus sekurang-kurangnya Bahagian I dari Peperiksaan Institute of Statistician atau sijil-sijil yang sebanding dengan mempunyai 3 tahun pengalaman.

- Hendaklah boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan fasihnya.

Tugas-tugas :

Untuk bekerja dalam pemungutan, penyusunan dan penganalisan data-data perangkaan.

2. KERANI PENELITIAN :

Tanggagaji : D. 3-4 EB. 5-6 — \$900-\$1785 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

Kelayakan dan Pengalaman :

- Lulus Sijil Tinggi Persekolahan atau yang sebanding dan lulus Ilmu Hisab di Peringkat 'O' atau mendapat latihan dan pengalaman dalam kerja-kerja yang berkaitan dengan perangkaan.
- Pegawai tetap di Perkhidmatan Kerajaan yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya selama tiga tahun dan mempunyai Sijil Persekolahan atau yang sebanding dan mempunyai kecenderungan dan pengalaman dalam kerja perangkaan boleh juga dipertimbangkan;
- Keutamaan akan diberi kepada pemohon-pemohon yang mempunyai kecenderungan dan pengalaman dalam hal kerja-kerja penyediaan yang berkaitan dengan perangkaan;
- Hendaklah boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan fasihnya.

Tugas-tugas : Untuk bekerja di bawah Pegawai Perangkaan Rendah dalam penyusunan dan penelitian perangkaan-perangkaan yang dikumpulkan oleh Kerani Perangkaan.

3. KERANI PENJALAN DDE :

Tanggagaji : D.1-2-3 EB.4-5 — \$530-\$1625 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan-kelayakan dan pengalaman.

Kelayakan dan Pengalaman : a) Pemohon-pemohon mestilah lulus Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.

b) Fasih dalam Bahasa Melayu.

c) Mempunyai kecenderungan kepada angka-angka. Pemohon-pemohon yang tidak mempunyai kelulusan di (a) tetapi mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja memasukkan perangkaan bagi kegunaan komputer sama ada melalui DDE.

Tugas-tugas :

- Untuk memeriksa dan memasukkan kod-kod yang sesuai bagi data input.
- Untuk memasukkan data melalui mesin DDE.
- Mungkin dikehendaki bertugas di lain-lain masa bekerja (shift).

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan ini melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu laporan sulit dan satu salinan rekod perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat Lima, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 15 Oktober, 1984.

(Bil iklan : 187/1984)

(E/871/71).

PUSAT LATIHAN TEKNIKAL BRUNEI, JALAN MUARA (KURSUS UNTUK BULAN JANUARI 1985)

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam bagi mengikuti kursus yang tersebut di bawah :—

Jenis Kursus	Tempoh Masa	Kelayakan Masuk	
		Minimum %	Maximum %
Land Surveying Technician	2 tahun	Teloh menduduki peperiksaan tingkatan 5 G.C.E. peringkat 'O' di dalam mata-mata Pelajaran Ilmu-Hisab, Ilmu-Sain dan Bahasa Inggeris ATAU kelulusan-kelulusan yang sebanding dengannya.	Teloh menduduki peperiksaan tingkatan 5 G.C.E. peringkat 'O' di dalam mata-mata Pelajaran Ilmu-Hisab, Ilmu-Sain dan Bahasa Inggeris ATAU kelulusan-kelulusan yang sebanding dengannya.
TEC Laboratory Science Certificate	2½ tahun	Teloh menduduki peperiksaan tingkatan 5 G.C.E. peringkat 'O' di dalam mata-mata Pelajaran Ilmu-Hisab, Ilmu-Sain dan Bahasa Inggeris ATAU kelulusan-kelulusan yang sebanding dengannya.	Teloh menduduki peperiksaan tingkatan 5 G.C.E. peringkat 'O' di dalam mata-mata Pelajaran Ilmu-Hisab, Ilmu-Sain dan Bahasa Inggeris ATAU kelulusan-kelulusan yang sebanding dengannya.

Keterangan lanjut dan borang-borang permohonan boleh diperolehi daripada Pengerusi-Pengerusi Pusat Latihan Teknikal Brunei, Jalan Muara, Sekolah Kejuruteraan Jefri Bolkih, Kuala Belait dan Bahagian Pelajaran Teknikal, Jabatan Pelajaran, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup menerima permohonan ialah 20 Oktober, 1984.

DEPARTMENT OF AGRICULTURE — TENDER NOTICE

TENDERS are invited for the supply of poultry feed to the Department of Agriculture starting from 1st November 1984 to 31st October, 1985 as follows :

A. No.	Kinds of Feeds	Quality and Guaranteed analysis							Quantity Required (packed in 50kg bag)
		Crude	Minimum % Protein	Crude Fat	Crude Fibre	Maximum % Ash	Ca	P	
1.	Poultry Starter (Chicks)								
	Mash or crumbles	20		3.5	5.0	8.0	1.5	1.2	13.0
2.	Poultry Grower (pellets)	16		3.0	5.0	10	1.5	1.2	13.0
3.	Poultry Layer (complete) — pellets or mash	16		3.5	6	14	3.5	1.5	13.0
4.	Broiler Starter (chicks) — pellets or mash	22		5	5	8	1.0	1.2	13.0
5.	Broiler (finisher) — pellets or mash	20		5	5	8	1.0	1.2	13.0
6.	Poultry Breeder — pellets or mash	16		5	6	14.0	4.0	1.5	13.0

B. Other Requirements

Tenders should be accompanied by a certificate of analysis by a registered analytical chemist recognised in Malaysia, Singapore or equivalent as required in the above table. All feeds should be freshly packed in either a polythene bag or jute bag of 50kg wt. Feeds should be of good quality and free from other contaminants.

Tenders must undertake to supply mixed 5 tonnes lots of the above feeds on request and deliver to the Department of Agriculture's SATC, Mentiri, Birau Project, Luahan Project, Tanah Jambu and Jerudong Station or other specified delivery point. They should also give a written undertaking to supply not less than 2% empty bags and to replace or rebag any broken containers at their own expense. They will be responsible for safe handling of these feeds to the point of delivery.

The duration of the tender will be for one year. Tenders marked only with "AGRICULTURAL DEPARTMENT POULTRY FEEDS" should be addressed to the Chairman of Tenders Board, Fourth Floor, Ministry of Finance Building, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, not later than 12.00 noon on Monday 24th September, 1984. The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

Telecommunications Department Tender Notices

TENDERS are invited for the supply of Time Division Multiplex Equipment to the Department of Telecommunications, Negara Brunei Darussalam.

Details of quantities and specifications can be obtained from the Director of Telecommunications, Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam against a deposit of \$500.00 which will be refunded to unsuccessful tenders on return of the documents and receipt.

Tenders will be received by the Chairman of Tenders

Board, Ministry of Finance Building, 4th Floor, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam up to 12.00 noon on Monday 1st October, 1984.

Tenders should be submitted in a plain sealed envelope marked:—

TENDERS FOR TIME DIVISION MULTIPLEXER EQUIPMENTS TELECOMMUNICATIONS DEPARTMENT.

The Government of His Majesty the Sultan and Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any other tender.

1 TENDERS are invited for the supply of Computer Bill Form.

2 Detailed tender documents can be obtained from the office of the Director of Telecommunications at Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam upon a deposit of \$200.00.

3. Tenders will be received by the Chairman of Tenders Board at the 4th floor, Jabatan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, up to 12.00 noon on 1st October 1984. Tenders received after the said time and date will be rejected.

4. Tenders should be submitted in a plain sealed envelope marked:—

TENDERS FOR COMPUTER BILL FORM TELECOMMUNICATIONS DEPARTMENT.

5. The Government of His Majesty the Sultan and Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any other tender.

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

PENGURNIAAN TAMBANG BAGI MENUNAIKAN FARDU HAJI

PEGAWAI-pegawai Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang berhak untuk mendapatkan pengurniaan tambang bagi menunaikan fardu haji adalah dikehendaki untuk menghadapkan permohonan-permohonan mereka untuk dipertimbangkan bagi Musim Haji 1985 (1405 Hijrah). Permohonan-permohonan hendaklah sampai ke pejabat ini tidak lewat dari 31 Januari 1985 dan permohonan-permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan dilayan. Pegawai-pegawai Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang boleh memohon tambang ini hendaklah terdiri daripada: —

- i. Pegawai-pegawai Kerajaan yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.
 - ii. Pegawai-pegawai yang telah berkhidmat selama 15 tahun dalam perkhidmatan tetap;
 - iii. Pegawai-pegawai yang telah berkhidmat selama 15 tahun dalam perkhidmatan dari sebulan ke sebulan atau open-vote.
 - iv. Semua pegawai-pegawai yang telah berhenti daripada perkhidmatan dengan Kerajaan dan dalam perkhidmatan bergaji hari adalah tidak berhak untuk mendapat pengurniaan tambang ini;
 - v. Pegawai-pegawai yang telah bersara dan memenuhi syarat-syarat yang lazim sama ada jawatan tetap mahupun dari sebulan ke sebulan atau open-vote dan yang telah menamatkan perkhidmatan mereka selama 15 tahun;
 - vi. Pegawai-pegawai yang memohon itu belum pernah menunaikan fardu haji dengan perbelanjaan (kurnia) daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam atau Kerajaan Baginda. Tetapi mana-mana pegawai yang berkesempatan menunaikan fardu haji semasa menjalankan tugas sebagai Pegawai Perhubungan Haji dan lain-lain urusan Kerajaan dibolehkan memohon tambang ini.
2. Pengurniaan ini adalah untuk pegawai itu sendiri dan juga untuk isterinya, jika suami yang bekerja, atau suaminya, jika isterinya yang bekerja, yang menunaikan fardu haji bersama-sama dengan pegawai itu;
3. Perkhidmatan selama 15 tahun bererti perkhidmatan tetap bergaji bulan, dari sebulan ke sebulan atau open-vote tetapi tidaklah termasuk perkhidmatan dalam bergaji hari;
4. Mereka yang menerima pengurniaan tambang ini adalah dikehendaki menguruskan penerbangan/pelayaran mereka menurut peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Jemaah Penasihat Haji Negara Brunei Darussalam. Jika didapati tidak menurut peraturan-peraturan itu maka tambang ini akan ditarik balik;
5. Mereka yang telah dikurniakan tambang bagi menunaikan fardu haji bagi Musim Haji 1984 (1404 Hijrah), yang tidak meneruskan permergiannya dan berhajat untuk menunaikannya pada tahun ini adalah juga dikehendaki untuk menghantar borang permohonan yang baru bagi dipertimbangkan semula;
6. Mereka yang dikurniakan tambang haji dan telah menerima tambang tersebut tetapi tidak dapat meneruskan permergiannya bagi menunaikan fardu haji kerana suatu sebab yang tertentu adalah dikehendaki supaya mengembalikan wang tambang yang sudah diterimanya itu kepada Kerajaan selewat-lewatnya seminggu dari tarikh penerimaannya;
7. Segala permohonan hendaklah dihantar melalui Ketua Jabatan masing-masing yang dikehendaki menghantar permohonan itu ke Pejabat ini berserta dengan laporan yang lengkap mengenai diri pemohon. Ketua-ketua jabatan sendiri hendaklah meneliti keterangan-keterangan yang diberikan itu sebagai keterangan-keterangan yang lengkap dan betul sepertimana yang dikehendaki;
8. Pegawai-pegawai Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang telah bersara, hendaklah menghantar permohonan-permohonan mereka melalui Pengarah Perjawatan;
9. Untuk kepentingan pentadbiran, sekiranya perkhidmatan seseorang itu dikehendaki dan permergiannya di-kira akan menjejaskan pentadbiran pejabatnya, maka Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam berhak menangguhkan sesuatu permohonan di bawah peraturan ini;
10. Perkhidmatan 15 tahun adalah dikira dari tarikh mula berkhidmat hinggalah kepada tarikh terakhir permohonan-permohonan diterima iaitu pada 31 Januari 1985.
11. Permohonan untuk mendapatkan pengurniaan tambang ini mestilah dibuat dalam borang yang telah disediakan oleh Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

JABATAN KERJA RAYA, BRUNEI — PEMBERITAHUAN TAWARAN

SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang terletak di Pejabat Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin (pada tarikh yang ditetapkan).
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama Projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, di Airport Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas ditetapkan.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

BIL: 342 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk:

PROJEK No.: AD426/1301

CADANGAN KENDERAAAN BERMOTOR, PUSAT PENYIMPANAN SENJATA DAN KOMPLEKS JURUTERA GARISON, PENANJONG PERINGKAT 1/B, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Booty Edwards dan Rakan-Rakan, 146 Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 11 Oktober, 1984.

Tarikh tutup: 15 Oktober, 1984.

Cagaran tawaran: \$1,000.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: 343 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK 84AB/PEL139

SEBUAH BENGKEL TUKANG KAYU UNTUK SEKOLAH MENENGAH MELAYU MUDA HASHIM, TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 20 September, 1984.

Tarikh tutup: 24 September, 1984.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: 344 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" atau "B" (berdaftar sebagai Pemborong Elektrik) untuk:

PROJEK No.: AD425/1101

PEMASANGAN ELEKTRIK BAGI CADANGAN SURAU UNTUK ANGKATAN BERSEJAJA DIRAJA BRUNEI, BOLKIAH KEM, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Brisma International Consultants, F12, Seri Temasek, Seri Shopping Complex, Mile 14, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 4 Oktober, 1984.

Tarikh tutup: 8 Oktober, 1984.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: 345 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 84AR/084

MEMBINA TIGA (3) BUAH KALBAT KONKRIT TETAPAN UNTUK TAPAK INDUSTRI BARU PEJABAT KERJA RAYA, DI KAMPONG SINARUBAI, DAERAH BRUNEI-MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 27 September, 1984.

Tarikh tutup: 1 Oktober, 1984.

Cagaran tawaran: \$500.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: 346 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 84AR/084

MEMBEKAL DAN MENGHANTAR TANAH TIMBUS KE TAPAK INDUSTRI BARU PEJABAT KERJA RAYA, DI KAMPONG SINARUBAI, DAERAH BRUNEI-MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 27 September, 1984.

Tarikh tutup: 1 Oktober, 1984.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: 347 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 84AB/PEL006

CADANGAN BANGUNAN PEJABAT BAGI PENGARAH PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 11 Oktober, 1984.

Tarikh tutup: 15 Oktober, 1984.

Cagaran tawaran: \$500.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: 348 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 84AB/JUB025

CADANGAN BANGUNAN PENTADBIRAN BAGI SEKOLAH RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK DAMIT, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 27 September, 1984.

Tarikh tutup: 1 Oktober, 1984.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: 349 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk:

PROJEK No.: AR407/0501

PENYIAPAN JALAN RAYA DARI BANDAR TUTONG KE KAMPONG JERUDONG — TAWARAN BAGI MEMBEKALKAN DAN MELAPISKAN KONKRIT ASPHALTIC SEBAGAI BASE COURSE DAN WEARING COURSE.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Bolton Hennessey Pte Ltd., 146C Jalan Pemancha, P. O. Box 710, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 11 Oktober, 1984.

Tarikh tutup: 15 Oktober, 1984.

Cagaran tawaran: \$5,000.00.

TAWARAN JABATAN PERJAWATAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Bangunan Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin bersamaan 22 September, 1984 bagi membekalkan alat perabot yang tersebut di bawah ini untuk Unit Latihan, Pejabat Perjawatan, Jalan Kumbang Pasang: —

- i) Bilik Ceramah Pertama Untuk Pegawai-Pegawai Kanan
 - 4 buah corner table
 - 4 buah straight table
- ii) Bilik Ceramah Kedua
 - 4 buah corner table
 - 4 buah straight table
- iii) Bilik Ceramah Ketiga
 - 2 buah corner table
 - 5 buah straight table

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar melalui sampul surat yang bertutup dengan tidak memberikan apa-apa identity pemborong. Sampul-sampul surat mestilah ditanda "Tawaran Alat Perabot Bagi Unit Latihan, Pejabat Perjawatan, Negara Brunei Darussalam."
3. Tawaran-tawaran mestilah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran di alamat yang diberikan di atas.
4. Keterangan-keterangan lengkap bolehlah diperolehi dari Unit Latihan, Pejabat Perjawatan, Bangunan Suruhajaya Perkhidmatan Awam, Lapangan Terbang Lama, Negara Brunei Darussalam.
5. Kerajaan tidak akan terikat untuk menerima tawaran-tawaran yang paling rendah.

Gurkha Reserve Unit Negara Brunei Darussalam Tender Notice

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the 4th. Floor, Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, up to 12.00 noon Monday 1st. October, 1984 for the supply of: —
"COMMODITIES FOR GURKHA CHILDREN SCHOOL FEEDING SCHEME".

2. Tender documents are obtainable from Headquarters, Gurkha Reserve Unit, Sungai Akar Camp, Bandar Seri Begawan.

3. Prices quoted to include delivery to Gurkha Children School Istana Edinburgh, Jalan Berakas on daily basis.
4. Tenders must be contained in a plain sealed envelope with no indication of the tenderer. The envelope should be marked "Supply of Commodities for Gurkha Children School Feeding Scheme" in the top left hand corner.
5. The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

Di Bahagian Berita dan Hal Ehwal Semasa, di Jabatan Radio Televisyen Brunei

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Bahagian Berita dan Hal Ehwal Semasa di Jabatan Radio Televisyen Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

- (1) PENYUNTING:
C2 EB3 — \$1450-\$2270 sebulan.
- (2) PENOLONG PENYUNTING:
D3 EB4-5 — \$ 900-\$1625 sebulan.
- (3) PEMBERITA:
D3 EB4-5 — \$ 900-\$1625 sebulan.
- (4) PELATIH BERITA:
D1 EB2 — \$ 530-\$ 820 sebulan.

JAWATAN (1)

Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman

Lulus pada peringkat Diploma dalam mata pelajaran yang bersesuaian atau lulus dengan mendapat kepujian sekurang-kurangnya dua mata pelajaran GCE Peringkat 'A' atau yang sebanding. Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya tiga tahun sebagai Penolong Penyunting. Dapat menunjukkan minat dan kecekapan ataupun pengalaman dalam tugas penyuntingan. Kebolehan taip menaip dan trengkas merupakan satu kelebihan.

Tugas-tugas

Kepada Penyunting yang bertugas dalam penyediaan siaran berita yang melibatkan gambar-gambar pegun, graf, peta-peta, caption-caption dan slide-slide dan berita TV, mengarah penyampaian berita studio, dan bertindak sebagai penyunting yang bertugas sebagaimana yang diarahkan oleh Penyunting Kanan. Penyunting juga ada kalanya keluar untuk membuat liputan bagi acara-acara dan menjalankan tanggungjawab sebagai Penyunting yang bertugas semasa ketiadaan Penyunting Kanan. Bersedia untuk bertugas semasa cuti awam dan secara bergilir-gilir.

JAWATAN (2)

Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman

Lulus sekurang-kurangnya tiga mata pelajaran Peringkat 'O', termasuk Bahasa Melayu dan sekurang-kurangnya lulus dalam Bahasa Inggeris. Berkeupayaan untuk bertugas dalam suasana yang tegang, mempunyai pendekatan dan pandangan yang berkeyakinan dan berkebolehan. Kebolehan dalam taip menaip dan trengkas serta pengalaman dalam kewartawanan dan penyuntingan adalah diutamakan.

Tugas-tugas

Kepada Penyunting dan Penyunting Kanan atau Penyunting yang bertugas dalam semua kerja-kerja yang melibatkan penyediaan, penerbitan dan penyampaian berita. Ada kalanya dikehendaki untuk menjalankan tugas-tugas Penyunting dalam tanggungjawab-tanggungjawabnya di studio dan dalam membuat penyediaan dan membuat skrip untuk rancangan-rancangan Hal Ehwal Semasa. Juga dikehendaki untuk menolong membuat laporan berita dan menyunting laporan berita. Bersedia untuk bertugas semasa cuti awam dan secara bergilir-gilir.

JAWATAN (3)

Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman

Sekurang-kurangnya tiga tahun sebagai Pelatih Berita serta berpengalaman dalam kerja-kerja menyunting berita. Lulus sekurang-kurangnya dua mata pelajaran peringkat 'O'.

JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

BIL. 8/1984

1. Nama projek: RANCANGAN PERPINDAHAN/PERUMAHAN NEGARA LAMBAK KANAN, KERJA-KERJA TANAH DAN INFRASTRUKTUR PERINGKAT 7.
2. Dokumen tawaran boleh dilihat dan didapati dari: Jabatan Kemajuan Perumahan, Tingkat 3, Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Kawasan Lapangan Terbang Lama, Negara Brunei Darussalam.

mulai hari Rabu 12 September 1984 hingga hari Khamis, 27 September 1984.

3. Kelayakan pemborong: Kelas 'A' yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam.
4. Cagaran tawaran: \$10,000.00 (Sepuluh Ribu ringgit sahaja).
5. Tarikh tutup: Hari Isnin 1 Oktober 1984, jam 12.00 tengah hari.
6. Syarat-syarat tawaran: Boleh diperolehi dari Jabatan Kemajuan Perumahan.

BIL. 9/1984

1. Nama projek: RANCANGAN PERPINDAHAN/PERUMAHAN NEGARA, KAMPONG PANDAN, KUALA BELAIT: KERJA-KERJA TANAH PERINGKAT 1.
2. Dokumen tawaran boleh dilihat dan didapati dari: Jabatan Kemajuan Perumahan, Tingkat 3, Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Kawasan Lapangan Terbang Lama, Negara Brunei Darussalam.

mulai hari Rabu 19 September, 1984 hingga hari Khamis 4 Oktober, 1984.

3. Kelayakan pemborong: Kelas 'A' yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam.
4. Cagaran tawaran: \$5,000.00 (Lima ribu ringgit sahaja).
5. Tarikh tutup: Hari Isnin 8 Oktober, 1984 jam 12.00 tengah hari.
6. Syarat-syarat tawaran: Boleh diperolehi dari Jabatan Kemajuan Perumahan.

sebaik-baiknya dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dan mendapat memperlihatkan kepercayaan, kecekapan dan keyakinan dalam menjalankan tugas-tugas sebagai pelatih Berita. Kebolehan menaip amat diperlukan dan sebaik-baiknya tahu mencatat trengkas.

Tugas-tugas

Bertanggungjawab kepada Ketua Pemberita. Dia juga dikehendaki melaporkan kepada penyunting yang bertugas bagi mendapatkan bahan berita segera. Bertindak sebagai penghubung utama dengan orang ramai mengikut arahan, dan mengambil gambar-gambar dan membuat rakaman acara-acara. Ada kalanya dikehendaki untuk membantu dalam kerja-kerja menyunting. Bersedia bertugas semasa cuti awam dan secara bergilir-gilir.

JAWATAN (4)

Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman

Lulus sekurang-kurangnya dua mata pelajaran peringkat 'O' termasuk Bahasa Melayu. Menunjukkan minat dan kecekapan dalam membuat berita. Lulus ujian kecekapan yang dikeluarkan oleh Bahagian Berita. Kebolehan menaip amat diperlukan.

Tugas-tugas

Tanggungjawab utama ialah untuk mendapatkan pengkhususan di Bahagian Berita, dan melibatkan dan menceburi diri, dapat mengikuti arahan-arahan dalam jangka masa yang singkat dan memperlihatkan minat dan kecenderungan. Menunjukkan pembiasaan dan kebijaksanaan yang bertambah.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 10 Oktober, 1984.

Bilangan iklan: 186/1984

(E/23/75)

TELECOMMUNICATIONS DEPARTMENT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM TENDER NOTICES

1 TENDERS are invited for the supply, Supervision of Installation and Installation Testing of Point-To-Point Radio Communications Links.

2 Tenders will be received by the Chairman, Tenders Board at the 4th Floor, Jabatan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, up to 12.00 noon on 8th October 1984. Tenders received after the said time and date will be rejected.

3 Tenders should be submitted in a plain sealed envelope marked: —

TENDER FOR THE SUPPLY, SUPERVISION OF INSTALLATION AND INSTALLATION TESTING OF POINT-TO-POINT RADIO COMMUNICATIONS LINKS FOR JABATAN TELEKOM.

Tender Ref: JTB/RT/2/84 bearing no indication of the name of the tenderer.

4 Detailed tender documents can be obtained from the office of the Director of Telecommunications at Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam upon a deposit of \$2,000.00.

5 The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

1 TENDERS are invited for the Supply of Mobile Radio Test Equipments.

2 Tenders will be received by the Chairman Tenders Board at the 4th Floor, Jabatan Kementerian Kewangan Jalan James Pearce, up to 12.00 noon on 15th October, 1984. Tenders received after the said time and date will be rejected.

3 Tenders should be submitted in a plain sealed envelope marked: —

TENDER FOR THE SUPPLY OF MOBILE RADIO TEST EQUIPMENTS FOR JABATAN TELEKOM.
Tender Ref: JTB/RT/4/84 bearing no indication of the name of the tenderer.

4 Detailed tender documents can be purchased from the office of the Director of Telecommunications at Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam for \$200.00.

5 A deposit of \$1000.00 shall be paid to the above office in order to submit a tender. This deposit will be refunded to all unsuccessful tenderers but forfeited from any tenderers who fail to submit a valid tender.

6 The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

VACANCY IN THE WELFARE YOUTH AND SPORTS DEPARTMENT

APPLICATIONS are invited to fill in the following appointment: —

Appointment: Malay or English Stenographer/typist

Qualification: —

- i. Typing speed 40 w.p.m.
- ii. Shorthand speed 100 w.p.m.
- iii. Study up to form five level.

Other requirements: —

- i. Working experience preferable but not essential.
- ii. Able to deal with general correspondent.

Salary: —

Daily paid basis. Duration of appointment: 6 to 12 months (will be continued if necessary).

All application must be addressed to the Chairman, Pesta Sukan Merdeka, care of Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Old Airport Road, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, not later than 22nd September, 1984.

PEMBERITAHUAN TAWARAN PEJABAT PERKHIDMATAN- PERKHIDMATAN ELEKTRIK NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BIL.: PPL/125/1984

Tajuk kerja: PEMELIHARAAN ELEKTRIK DI LAPAU, DEWAN MAJLIS DAN BANGUNAN CHURCHILL MEMORIAL UNTUK 1985.

Tarikh tutup: 24 September, 1984 jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: \$100.00.

Kelayakan pemborong: Internal Wiring Kelas "A", "B" & "C".

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-perkhidmatan Bangunan.

BIL.: PPL/127/1984

Tajuk kerja: PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK 3 BLOK PERUMAHAN KELAS 'G' DAN DUA BARIK BLOK BAGI PERUMAHAN PEGAWAI-PEGAWAI BOMBA, TEMBURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 24 September, 1984 jam 12.00 tengah hari.

Cagaran: \$200.00.

Kelayakan pemborong: Internal Wiring Kelas "A" & "B".

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-perkhidmatan Bangunan.

BIL. PPL/130/1984

Tajuk kerja: MEMBEKAL DAN MEMASANG UPS SYSTEM DI BILIK KOMPUTER TINGKAT ENAM, BANGUNAN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, LAPANGAN TERBANG LAMA, BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 24 September, 1984 jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: \$200.00.

Kelayakan Pemborong: Kelas "A" dan "B" (Elektrik). Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

BIL.: PPL/131/1984

Tajuk kerja: MEMBEKAL 4 BILI COMPRESSOR DI ISTANA DARUL HANA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 24 September, 1984 jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: \$200.00.

Kelayakan Pemborong: Kelas "A", "B" dan "C" (Hawa Dingin).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

BIL.: PPL/137/1984

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, yang beralamat di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tajuk: SUPPLY AND DELIVERY OF AIR-PORT ELECTRICAL ACCESSORIES.

Tarikh tutup: 1 Oktober, 1984.

Cagaran: \$200.00.

Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

BIL.: PPL/132/1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A' dan 'B' yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di Bangunan Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 8 Oktober, 1984 bagi kerja-kerja berikut: —

TAWARAN BAGI PENANAMAN KABEL VOLTAN TINGGI DI ANTARA 66/11KV SUBSTATION KE BARU S-1 SUBSTATION DI JALAN KEBANGSAAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Satu perjumpaan bagi penentuan tender akan diadakan pada hari Isnin 1 Oktober, 1984 pukul 3.00 petang, di Bilik Persidangan Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik. Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik adalah berhak untuk menolak sebarang tender yang tidak menghadiri perjumpaan tersebut.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran-tawaran tersebut adalah \$300.00.

BIL.: PPL/133/1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A' dan 'B' yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di Bangunan Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 8 Oktober, 1984 bagi kerja-kerja berikut: —

TAWARAN BAGI PENANAMAN KABEL VOLTAN TINGGI DI ANTARA BATU 5, JALAN TUTONG, DAERAH BRUNEI DAN MUARA

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Satu perjumpaan bagi penentuan tender akan diadakan pada hari Isnin 1 Oktober, 1984 pukul 3.00 petang, di Bilik Persidangan Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik. Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik adalah berhak untuk menolak sebarang tender yang tidak menghadiri perjumpaan tersebut.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran-tawaran tersebut adalah \$300.00.



DUA ORANG DIKURNIA BINTANG KEBESARAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan mengurniakan Bintang Kebesaran Negara kepada dua orang dalam satu Istiadat yang berlangsung di Istana Nurul Iman pada hari Sabtu lepas (gambar atas).

Dr. Koo Chee Choong, 32 tahun (gambar bawah) dikurniakan Darjah Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Kedua — DPMB yang membawa gelaran Dato Paduka.

Manakala Pengiran Haji Mohammad bin Pengiran Duraman, 37 tahun pula telah dikurniakan Darjah Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Ketiga — SMB.

Berangkat ke istiadat itu ialah Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah.



Pepereksaan Sijil Perdagangan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pendaftaran-pendaftaran ini sedang dibuka bagi calon-calon sekolah dan persendirian yang ingin menduduki peperiksaan Sijil Perdagangan Brunei bulan Disember tahun ini. Pendaftaran akan diterima hingga 29 September, 1984.

Calon-calon dari Daerah Brunei-Muara bolehlah memilih salah satu dari empat buah pusat peperiksaan. Sekolah Melayu Pusu Ulak bagi calon di sekitar kawasan Bandar Seri Begawan, sepanjang Jalan Kota Batu dan Jalan Gadong, Sekolah Rendah Pengiran Anak Puteri Besar bagi calon di sekitar kawasan Kampong Ayer Sekolah Melayu Anggerek Desa bagi calon di kawasan sepanjang Jalan Berakas dan Jalan Muara, dan Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti Kilanas bagi calon di

kawasan sepanjang Jalan Tutong.

Sementara itu, calon-calon di Daerah Tutong bolehlah mendaftar di Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, manakala calon-calon di Daerah Seria-Belait dikehendaki mendaftar di Sekolah Menengah Melayu Muhammad Alam, Seria. Manakala pusat peperiksaan tersebut bagi calon di Daerah

Permohonan menunaikan haji dibuka

BANDAR SERI BEGAWAN.

Permohonan ini sedang dibuka kepada pegawai-pegawai Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam termasuk pegawai-pegawai yang telah bersara setelah menamatkan perkhidmatan tetap 15 tahun untuk mendapatkan kurnia tambang menunaikan fardu haji bagi musim haji 1405 Hijrah/1985 Masihi.

Permohonan hendaklah dihadapkan ke Jabatan Perdana Menteri tidak lewat dari 31 Januari, 1985, permohonan-permohonan yang lewat dari tarikh tersebut tidak akan dilayan.

Pegawai-pegawai yang berhak memohon adalah terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam berkhidmat tidak kurang dari 15 tahun dalam jawatan tetap. Pemohon-pemohon juga belum pernah menunaikan fardu haji dengan perbelanjaan (kurnia) daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam atau Kerajaan Baginda. Tetapi mana-mana pegawai yang pernah menunaikan haji kerana menjalankan tugas sebagai pegawai perhubungan haji dan lain-lain urusan Kerajaan dibolehkan juga memohon tambang tersebut.

Pengurniaan tambang tersebut adalah termasuk untuk isteri jika suami yang bekerja atau suaminya jika isteri yang bekerja yang akan menunaikan fardu haji bersama-sama pegawai itu.

Permohonan hendaklah dihantar melalui ketua jabatan masing-masing. Bagi pegawai-pegawai yang telah bersara hendaklah menghantar permohonan mereka melalui Pengarah Perjawatan.

Temburong ialah Sekolah Menengah Melayu Sultan Hassan, Bangar.

Calon-calon juga diingatkan bagi memilih salah satu dari pusat-pusat tersebut bagi mata pelajaran trengkas, stenografi dan simpangkira, kecuali Sekolah Rendah Pengiran Anak Puteri Besar dan Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti Kilanas.

BEKALAN AIR DIPOTONG SELAMA 24 JAM

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bekalan air ke kawasan-kawasan Daerah Brunei-Muara Bandar Seri Begawan dan Daerah Tutong, akan dipotong selama 24 jam. Kawasan-kawasan berkenaan tidak akan menerima bekalan air dari jam 9.00 pagi pada hari Selasa 25 September hingga jam 9.00 pagi pada hari Rabu 26 September.

Satu kenyataan dari Jabatan Kerja Raya menyatakan bahawa pemotongan itu dilakukan bagi memudahkan kerja-kerja ubah suai loji pembersih di Layong.



KEBAWAH D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima junjung ziarah Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan yang berada di lapangan terbang untuk mengucapkan selamat belayar kepada Baginda dan rombongan ke New York.

KEBAWAH D.Y.M.M. BERANGKAT KE NEW YORK

BERAKAS. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berangkat ke New York, Amerika Syarikat pada pagi Isnin lepas bagi menghadiri sidang Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu yang ke-39 yang dijangka bermula

minggu ini.

Di sidang itu, Negara Brunei Darussalam dijangka akan diterima menjadi anggota yang ke-159 badan dunia itu.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia diiringi oleh 13 orang termasuk Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran

Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Idris, Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin, Menteri Undang-Undang merangkap Menteri Perhubungan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Brigedier Jeneral Pengiran Haji Ibnu, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa dan Dato Paduka Awang Selamat bin Munap. Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri.

Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien telah berangkat ke Lapangan Terbang bagi mengucapkan selamat berangkat.

Juga hadir ialah Menteri-Menteri Kabinet, Setiausaha Tetap, pegawai-pegawai kanan Kerajaan dan diplomat-diplomat asing ke negara ini.

Doa selamat telah dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Umar Abdul Aziz, Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam.

“Jangan bersikap pendulur”

PEKAN BANGAR. — Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan, Awang Haji Chuchu bin Penglima Asgar Dato Paduka Awang Haji Abdullah menyeru ibu bapa supaya jangan sekali-kali bersikap ‘pendulur’ terhadap anak-anak mereka khususnya anak-anak muda.

“Sikap ‘pendulur’ itu dalam ertikata merestui atau menggalakkan anak-anak kita sendiri memandu kenderaan (kereta) tanpa lesen yang sah,” demikian kata beliau sejurus sebelum merasmikan Peraduan Permainan Lalulintas bertempat di Kawasan Letak Kereta di sini Ahad lalu.

Awang Haji Chuchu seterusnya berkata selaku orang yang lebih tua dan dewasa, ibu bapa dan pemimpin masyarakat umumnya supaya melihat atau menonjolkan contoh teladan yang baik kepada mereka apabila berada di jalan raya.

Terdahulu daripada itu, beliau memuji pihak pengatur Peraduan Permainan Lalulintas kerana inisiatif mereka menjayakan projek seperti ini yang bertujuan untuk memberikan pendidikan kepada semua pengguna-pengguna jalan raya khususnya kepada anak-anak sekolah.

“Langkah mengajar dan mendidik anak-anak sekolah dengan cara yang selamat seperti mengadakan Pera-

duan Permainan Lalulintas ini adalah satu langkah yang bijak dan sesuai dengan pepatah Melayu: Melentur buluh biarlah daripada rebungnya,” jelas beliau.

Sebaliknya Awang Haji Chuchu menegur sikap dan pendirian setengah pihak yang tidak bertolak ansur dan mempunyai perasaan bermegah-megah apabila berada di jalan raya.

Memenangi Peraduan Permainan Lalulintas peringkat Daerah Temburong pada hari itu ialah dari Sekolah Persediaan Inggeris Bangar, kedua Sekolah Persediaan Inggeris Bokod dan tempat ketiga Sekolah Persediaan Inggeris Puni. — JAL

Keputusan London GCE

BERAKAS. — Lembaga Peperiksaan, Jabatan Pelajaran telah mengeluarkan keputusan peperiksaan London GCE peringkat ‘O’ bagi bulan Jun 1984 pada awal September lepas.

Dari seramai 413 orang calon yang menduduki peperiksaan di tujuh buah pusat, 205 orang telah mendapat satu atau lebih mata pelajaran. Dari jumlah itu, tiga orang telah mendapat kredit dalam 7 mata pelajaran, empat belas orang mendapat 6, sembilan orang mendapat 5, lapan orang mendapat 4, sembilan orang mendapat 3, dua puluh lima

orang mendapat 2 dan 137 orang mendapat 1 mata pelajaran.

Sementara itu keputusan peperiksaan Sijil Perdagangan Brunei bagi bulan Jun 1984 juga telah dikeluarkan. Dari seramai 729 calon yang menduduki peperiksaan di tujuh buah pusat dalam berbagai mata pelajaran di berbagai peringkat hanya 194 orang calon telah lulus.

Dalam mata pelajaran menaip seramai 188 orang calon telah lulus, trengkas pula 6 orang sementara dalam stenografi dan simpangkira tidak ada calon yang lulus.